

"SESUNGGUHNYA Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (hendaklah) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhan-Nya itu) memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan ayat Surah An-Nisaa, ayat 56

DYTM DINAIKKAN PANGKAT KE LEFTENAN KOLONEL

Oleh : Aimi Sani

BOLKIAH GARISON, Khamis, 6 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dinaikkan ke pangkat Leftenan Kolonel, yang berkuat kuasa mulai 8 Ogos 2025.

Sehubungan itu, pengurniaan lencana pangkat tersebut berkenan disempurnakan oleh paduka ayahanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Mes Pegawai, Bolkiah Garison, hari ini.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

>> Muka 3



PADUKA ayahanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan lencana pangkat kepada Duli Yang Teramat Mulia yang dinaikkan ke pangkat Leftenan Kolonel, yang berkuat kuasa mulai 8 Ogos 2025. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas. (Lihat muka 3 hingga 5).



Berita Utama



PENDEDAHAN bahaya, kesan buli, lahirkan pelajar berdisiplin

Muka 10



PESERTA Bengkel Penulisan Cerpen terima sijil penyertaan

Muka 13

Memperkukuh kerjasama rentas ASEAN, menerima inovasi kesihatan digital

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 November. - Kadar keseluruhan retinopati diabetik di Negara Brunei Darussalam (NBD) kini dianggarkan sebanyak 22.6 peratus, berbanding kadar global sebanyak 27 peratus, dengan 9.7 peratus dikenal pasti sebagai retinopati diabetik yang mengancam penglihatan.

Pada 2014, sebanyak 7,700 pesakit telah disaring di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan klinik-klinik, manakala menjelang 2017, jumlah berkenaan meningkat kepada 11,000, mencerminkan peningkatan akses sebanyak 40 peratus hanya dalam tempoh tiga tahun.

Berdasarkan kemajuan berkenaan,

Kementerian Kesihatan telah mengintegrasikan alat saringan berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) ke dalam perkhidmatannya, termasuk di klinik bukan oftalmologi seperti klinik endokrin, bagi memastikan pesakit tidak terlepas daripada saringan semasa pemeriksaan perubatan rutin mereka.

>> Muka 8



LAWATAN pengenalan ejen pelancongan China

Muka 19

Menjana pertumbuhan pelancongan bertanggungjawab melalui perkongsian awam-swasta

Oleh : Haniza Abdul Latif

BERAKAS, Khamis, 6 November. - Projek Membangun, Mengendali dan Memelihara Prasarana di Taman Rekreasi Hutan Berakas merupakan langkah penting dalam memperkukuh landskap ekopelancongan Negara Brunei Darussalam (NBD) serta

mempelbagaikan produk pelancongan sejajar dengan visi pertumbuhan ekonomi mampan.

Projek tersebut akan menawarkan pengalaman berasaskan pengembaraan dan alam semula jadi yang seimbang antara kemajuan dan pemuliharaan, memastikan pembangunan berlaku seiring dengan

perlindungan alam sekitar demi generasi masa depan.

Ia selaras dengan keutamaan nasional di bawah Dasar Perhutanan NBD, Peta Jalan Industri Pelancongan NBD, serta visi Wawasan Brunei 2035.

>> Muka 9



RENCANA

KEAHLIAN MMN dalam IPU memperkukuh diplomasi antara-parlimen NBD

Muka 27



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Penyerahan Bendera Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke 6th Islamic Solidarity Games Riyadh, Saudi Arabia 2025 pada 3 November 2025 yang dibacakan oleh Naib Presiden BDNOC, Awang Haji Mohd. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani, bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Bismillahir Rahman Nir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala kita sekali lagi dapat berhimpun pada pagi ini bagi Majlis Penyerahan Bendera kepada

Tingkatkan mutu persaingan, pamer semangat juang hadapi saingan

Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke 6th Islamic Solidarity Games, Riyadh, Saudi Arabia 2025. Selawat dan Salam, ke atas Rasul junjungan kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat, sahabat-sahabat, serta pengikut-pengikut Baginda, yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya sukacita ingin merakamkan, ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di atas sokongan yang diberikan kepada Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC), bagi menghantar satu kontinjen dalam tiga acara sukan iaitu sukan Fencing seramai satu atlet lelaki dan satu atlet wanita, sukan karate seramai satu atlet lelaki dan satu atlet wanita, dan sukan angkat berat seramai dua atlet lelaki dan satu atlet wanita.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada atlet-atlet yang terpilih bagi mewakili negara, dan saya juga amat berbangga kerana tiga daripada tujuh atlet yang terpilih adalah atlet wanita, yang mana ini adalah menunjukkan akan komitmen negara untuk memajukan penglibatan dan kepimpinan wanita dalam sukan. Penyertaan mereka ini adalah selari dengan Pelan Strategik Wanita dalam BDNOC, yang mana mempromosikan penyertaan wanita dalam sukan secara inklusif dan seterusnya kesempatan dalam pemerkasaan wanita dalam sukan, selain memastikan keseimbangan jantina dalam

sukan.

Sementara itu, seramai tiga jurulatih, dua orang pegawai urusetia dan seorang Chef de Mission akan turut mengiringi atlet-atlet kebangsaan kita di 6th Islamic Solidarity Games nanti.

Sini saya ingin mengingatkan atlet-atlet dan pegawai-pegawai kontinjen negara untuk menjauhkan diri dari apa jua bahan-bahan terlarang, serta mematuhi akta dan peraturan *anti-doping*, yang dikuatkuasakan oleh World Anti-Doping Agency (WADA) dan seterusnya akan sentiasa menanai tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik dan sempurna, serta menunjukkan disiplin yang tinggi, semasa berada di Riyadh nanti, demi menjaga nama baik NBD.

Sementara itu, saya juga berharap supaya atlet-atlet akan dapat mengambil kesempatan dalam 6th Islamic Solidarity Games nanti untuk meningkatkan mutu persaingan dan mempamerkan semangat juang yang sangat tinggi dalam menghadapi saingan mereka, kerana inilah

kesempatan bagi atlet-atlet untuk bersaing dengan atlet-atlet dari negara-negara Islam dari seluruh dunia, dan janganlah disia-siakan kesempatan ini kerana ini akan menentukan masa depan atlet-atlet dalam menghadapi kejohanan yang lebih bermutu tinggi.

Dalam kesempatan ini saya ingin mengingatkan semua pegawai-pegawai dan jurulatih-jurulatih kontinjen kita untuk memastikan dan menjaga keselamatan atlet-atlet kita dari sebarang gangguan mental dan fizikal, dan penderaan, sama seperti matlamat Perlindungan Atlet (Safeguarding Athlete) yang mana BDNOC sentiasa mengambil berat mengenainya.

Akhirnya saya berdoa semoga kontinjen negara yang terdiri dari atlet-atlet, jurulatih dan pegawai, akan sentiasa sihat wal'afiat, dan dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SINI saya ingin mengingatkan atlet-atlet dan pegawai-pegawai kontinjen negara untuk menjauhkan diri dari apa jua bahan-bahan terlarang, serta mematuhi akta dan peraturan *anti-doping*, yang dikuatkuasakan oleh World Anti-Doping Agency (WADA) dan seterusnya akan sentiasa menanai tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik dan sempurna, serta menunjukkan disiplin yang tinggi, semasa berada di Riyadh nanti, demi menjaga nama baik NBD.

WAKTU SEMBAHYANG										
NOVEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	SABTU	17	4.36	4.46	6.06	6.30	12.05	3.26	6.02	7.13
9	AHAD	18	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.13
10	ISNIN	19	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.14
11	SELASA	20	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.14
12	RABU	21	4.37	4.47	6.07	6.30	12.05	3.27	6.02	7.14
13	KHAMIS	22	4.37	4.47	6.07	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
14	JUMAAT	23	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI										
SABTU			AHAD			ISNIN				
Bandar Seri Begawan										
32	25	°C	32	25	°C	31	25	°C		
Pekan Bangar										
32	25	°C	32	25	°C	31	25	°C		
Pekan Tutong										
32	25	°C	32	25	°C	32	25	°C		
Kuala Belait										
32	25	°C	32	25	°C	32	25	°C		

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 8 NOVEMBER 2025

Bersangka baiklah terhadap segala ujian

SIFAT sabar ialah salah satu hal yang sangat berat bagi setiap manusia untuk mengamalkannya. Banyak di antara kita yang mampu menahan lapar dan dahaga, namun tidak mampu menahan amarah dan hawa nafsu. Pentingnya sifat sabar itu sehinggalah perkataan itu diulangi sebanyak 90 kali dalam Al-Quran. Dengan mempunyai sifat sabar, ia mampu menjadi benteng agar kita tidak membinasakan diri dengan dosa dan maksiat.

Sabar merupakan salah satu sifat mahmudah dan merupakan senjata paling ampuh dalam menghadapi pelbagai ujian dan dugaan. Orang yang bersifat sabar itu dapat menahan diri daripada marah terhadap sesuatu yang tidak disukai serta dapat menahan lidah daripada mengadu sesuatu hal penderitaan kepada yang lain, selain Allah Subhanahu Wata'ala.

Sepertimana yang ditekankan menerusi Khutbah Jumaat minggu ini, dalam menjalani kehidupan ini, kita tidak sunyi daripada menerima ujian dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ujian dan dugaan tersebut sama ada berbentuk kebaikan atau keburukan, kegembiraan atau kesedihan, kejayaan atau kegagalan, kemiskinan atau kekayaan, sihat atau sakit dan sebagainya.

Antara ujian yang benar-benar menduga keimanan dan kesabaran seseorang itu ialah ujian sakit yang menimpa diri, ahli keluarga atau masyarakat sekeliling kita. Ujian itu bukan tanda benci dan bukanlah juga sesuatu yang sia-sia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Bahkan ruang yang Allah Subhanahu Wata'ala buka untuk membuktikan keimanan, meninggikan darjat kesabaran dan membersihkan dosa hamba-Nya. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam mengajar kita agar sentiasa bersangka baik, bersabar dan memperbanyakkan istighfar kerana sakit itu menggugurkan dosa serta menjadi asbab pengampunan.

Namun sifat sabar itu hendaklah berjalan seiring dengan usaha. Islam tidak menyuruh kita hanya pasrah tanpa berikhtiar. Bahkan menuntut kita mencari rawatan yang harus lagi bermanfaat, memastikan kehalalan dan keselamatan, mendengar nasihat pakar dan menjauhi segala bentuk khurafat, tangkal azimat dan perbomohan yang menyalahi akidah. Ini kerana kesembuhan yang sebenar adalah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah Subhanahu Wata'ala menyuruh kita selaku hamba-hamba-Nya agar bersabar, bukan sahaja ketika ditimpa ujian, malah dalam setiap keadaan, di mana orang yang banyak bersabar akan dijanjikan pahala tanpa batas oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan sifat sabar ini akan mendekatkan jiwa kita kepada Yang Maha Esa.

Bersangka baiklah terhadap segala ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala serta berusaha menghadapi ujian tersebut dengan mencari jalan penyelesaian yang bijaksana, berdoa, bertawakal dan lebih mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. – **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

DYTM dinaikkan pangkat ke Leftenan Kolonel



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Tabik Hormat Diraja dan memeriksa Perbarisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei pada Majlis Kenaikan Pangkat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) (atas dan bawah).



>> Muka 1

Turut berangkat pada Majlis Kenaikan Pangkat tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam.

Terdahulu, keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Padang Kawad Blok Menara, Kementerian Pertahanan dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berkenan menerima Tabik Hormat Diraja dan memeriksa perbarisan



Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke majlis berkenaan (atas). Manakala gambar bawah kiri dan bawah, baginda serta paduka-paduka anakanda baginda dan pegawai-pegawai kanan ABDB yang dinaikkan pangkat menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (bawah kiri dan bawah kanan).

kawalan kehormatan yang terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei, sebelum dijunjung berangkat ke Mes Pegawai Bolkiah Garison.

Sejurus tiba di Mes Pegawai Bolkiah Garison, baginda berkenan mengurniakan lencana pangkat kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Baginda turut berkenan mengurniakan lencana pangkat kepada 18 orang pegawai ABDB yang dinaikkan pangkat ke Leftenan Kolonel / Komander, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB). Kenaikan pangkat

tersebut berkuat kuasa mulai 8 Ogos 2025. Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

Sejurus selepas pengurniaan pangkat, baginda bersama paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi Santap Ringan bersama pegawai-pegawai kanan ABDB yang dinaikkan pangkat.

>> Muka 4





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Tabik Hormat daripada paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen sejurus selepas pengurniaan lencana pangkat (atas kiri), sementara gambar atas kanan, baginda bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen pada sesi bergambar kenangan.

>> Muka 3

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai kenangan

bersama Ahli Jawatankuasa Eksekutif - Pertahanan, Pemerintah - pemerintah Angkatan Tentera, Pemerintah Angkatan Bersama dan para pegawai kanan yang dinaikkan pangkat dan juga berkenan

menandatangani Lembaran Keberangkatan. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda Abdul Mateen merupakan seorang Pegawai Tentera yang profesional dan

berdedikasi, ditauliahkan dari Royal Military Academy Sandhurst, United Kingdom. Duli Yang Teramat Mulia merupakan seorang juruterbang bertauliah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), penerima

Lencana Juruterbang Royal Air Force (RAF) dan Lencana Juruterbang TUDB serta berkelayakan menerbangkan pesawat S70i Blackhawk.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan lencana pangkat kepada para penerima (atas kiri dan atas), sementara gambar kiri, baginda berkenan beramah mesra bersama para pegawai yang diraikan pada majlis tersebut. Manakala gambar bawah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam turut berangkat pada Majlis Kenaikan Pangkat tersebut.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai kenangan bersama Ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemerintah Angkatan Bersama dan para pegawai kanan yang dinaikkan pangkat.

>> Muka 4

DYTM merupakan anggota Rejimen Pasukan Khas (RPK) ABDB sejak 28 Oktober 2019,

dan berjaya menamatkan All Arms Commando Course (AACC) di Commando Training Centre Royal Marines (CTCRM), Lymptstone, United Kingdom

pada bulan Disember 2021, melayakkan DYTM menerima Beret Hijau.

Pada bulan Julai 2025, DYTM telah menamatkan Advanced

Command and Staff Course (ACSC) di United Kingdom Defence Academy, Shrivenham, sekali gus memperkukuh

pendidikan ketenteraan profesional dan keupayaan kepimpinan DYTM sebagai Pegawai Kanan ABDB.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan semasa Doa Selamat dibacakan pada Santap Ringan bersama pegawai-pegawai kanan ABDB yang dinaikkan pangkat (atas kiri), sementara gambar atas kanan, baginda berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan. Manakala gambar kiri dan gambar bawah, baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai yang diraikan serta keluarga yang hadir di majlis berkenaan.




DOA Selamat dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar (kiri), manakala gambar kiri sekali, kegembiraan dikongsi bersama ahli keluarga pegawai-pegawai yang diraikan di Majlis Kenaikan Pangkat tersebut.



KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohammad Hasif Matzin



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Pengerusi Jawatankuasa Ketua-ketua Turus Bersama, Angkatan Tentera Pakistan, Tuan Yang Terutama Jeneral Sahir Shamshad Mirza.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pengerusi Jawatankuasa Ketua-ketua Turus Bersama, Angkatan Tentera Pakistan, Tuan Yang Terutama Jeneral Sahir Shamshad Mirza yang berlangsung di Istana Nurul Iman (atas, atas kiri dan bawah kiri).

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Istana Nurul Iman. Menyertai Tuan Yang

Terutama ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Janbaz Khan.

NBD dan Republik Islam Pakistan menikmati hubungan dua hala yang rapat dan kian lama terjalin, yang diperkukuhkan lagi melalui pemeteraian dua

Memorandum Persefahaman (MoU), iaitu MoU Kerjasama Pertahanan, dan MoU tentang Memerangi Keganasan dan Jenayah Rentas Sempadan pada 19 Mei 2004, yang juga membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Kerja Pertahanan Bersama di antara NBD dan Republik Islam Pakistan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesambah.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon



MAJLIS PELETAKAN BATU ASAS SEKOLAH UGAMA KAMPUNG BOLKIAH

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid



KAMPUNG BUANG SAKAR, Rabu, 5 November. - Penduduk Kampung Bolkiah dan kawasan sekitarnya akan mempunyai sebuah bangunan sekolah agama baharu yang dibina di atas sebidang tanah berkeluasan 5.5 ekar.

Sehubungan itu, Majlis Peletakan Batu Asas telah diadakan pagi tadi di Tapak Sekolah Agama Kampung Bolkiah, Jalan Kasat di mana sekolah ini nanti akan dapat menampung kira-kira 400 orang pelajar dan dijangka siap pada bulan November 2026.

Majlis Peletakan Batu Asas tersebut disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib

Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad

Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas, Setiausaha-setiausaha Tetap, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para pegawai kanan dari kementerian-kementerian berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diikuti dengan laungan azan dan bacaan zikir secara beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kampung Kasat, Zon 1 Daerah Brunei dan Muara, Pengiran



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri Pembangunan; dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan hadir menyempurnakan Majlis Peletakan Batu Asas tersebut (atas dan kiri).

Mohd. Amiruddin bin Pengiran Haji Tejudin.

Majlis diteruskan dengan acara menuang simen yang didahului oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri Pembangunan; Yang Berhormat Menteri Pendidikan, diikuti oleh para jemputan khas yang lain.

Acara diteruskan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh pihak Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, dengan menunjukkan lukisan reka bentuk bangunan baharu Sekolah Agama Kampung Bolkiah.

Bangunan baharu Sekolah Agama Kampung Bolkiah ini menggunakan peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara

Ke-12 (RKN12) Kementerian Hal Ehwal Ugama serta peruntukan dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan anggaran berjumlah BND12.4 juta.

Selain digunakan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran persekolahan agama, bangunan baharu tersebut juga akan berfungsi sebagai sekolah guna sama di bawah Kementerian Pendidikan bagi menempatkan sesi persekolahan umum peringkat rendah untuk penduduk Kampung Bolkiah dan kawasan sekitarnya.

Antara kemudahan yang disediakan nanti ialah 16 buah Bilik Darjah, Bilik Darjah Pra, Bilik Staf Guru, Dewan Serbaguna, Kantin, Kompleks Sukan, Gelanggang Futsal dan Gelanggang Bola Jaring.

Kementerian Pertahanan terima lawatan rasmi



BOLKIAH GARISON, Rabu, 5 November. - Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam (NBD) menerima lawatan rasmi daripada Pengerusi Jawatankuasa Ketua-Ketua Turus Bersama, Angkatan Tentera Pakistan, Tuan Yang Terutama Jeneral Sahir Shamshad Mirza, pagi tadi.

Tuan Yang Terutama Jeneral Sahir Shamshad Mirza disambut oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB),

Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan seterusnya menerima Tabik Hormat, diikuti dengan pemeriksaan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB).

Tuan Yang Terutama kemudiannya mengadakan Kunjungan Muhibah kepada Pemerintah ABDB, di mana kedua-dua pihak menzahirkan penghargaan terhadap hubungan

persahabatan dan kerjasama pertahanan yang sekian lama terjalin antara kedua-dua angkatan tentera, khususnya dalam bidang latihan, perkongsian profesional serta pembangunan kapasiti.

Kemudian, TYT juga turut mengadakan Kunjungan Hormat kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



PENGERUSI Jawatankuasa Ketua-Ketua Turus Bersama, Angkatan Tentera Pakistan semasa membuat lawatan rasmi dan seterusnya memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei (atas dan kiri).

Semasa kunjungan tersebut, kedua-dua pihak mengiktiraf hubungan pertahanan yang rapat dan berterusan antara NBD dan Republik Islam Pakistan, yang diperkukuhkan lagi melalui pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pertahanan Bersama Kali Ke-7 yang telah berlangsung di negara ini pada 14 Oktober 2025.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II turut menekankan kepentingan untuk

meneruskan momentum kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara dan menzahirkan harapan agar ABDB dan Angkatan Tentera Pakistan akan terus memperkukuh hubungan erat yang sedia terjalin.

Sepanjang berada di NBD, TYT juga dijadualkan mengunjungi beberapa unit di bawah ABDB serta melawat pusat-pusat kebudayaan dan tempat-tempat bersejarah di negara ini. TYT berada di negara ini dari 3 hingga 6 November 2025.

Memperkukuh kerjasama rentas ASEAN, menerima inovasi kesihatan digital

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

>> Muka 1

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar mengongsikan demikian semasa berucap pada Majlis Pembukaan Kongres Oftalmologi ASEAN Ke-7 (AOS 2025) berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Jelas Yang Berhormat, sejak Oktober 2024, lebih daripada 19,800 individu telah disaring menggunakan teknologi AI, dengan mencapai lebih 80 peratus kepekaan dalam mengesan retinopati diabetik yang mengancam penglihatan.

"Yang penting, kira-kira 17 peratus daripada mereka yang disaring dikenal pasti berada pada peringkat awal penyakit, manakala sekitar lima hingga enam peratus dikenal pasti memerlukan rawatan aktif, iaitu pesakit yang mungkin sebelum ini tidak dikesan.

"AI telah mengubah kecekapan sistem saringan kita, mengurangkan masa menunggu, mempercepatkan rujukan, dan membolehkan pakar oftalmologi memberi tumpuan kepada intervensi yang menyelamatkan penglihatan.

"Inovasi ini meningkatkan akses, mempercepatkan diagnosis, dan akhirnya membantu mencegah kebutaan yang boleh dielakkan di seluruh negara," jelas Yang



Berhormat.

Yang Berhormat juga menekankan kepentingan kerjasama serantau, pembangunan kapasiti serta akses kesihatan yang saksama di seluruh ASEAN.

Untuk melangkah ke hadapan tambah Yang Berhormat, kita perlu memperkukuh kerjasama merentasi ASEAN dan juga di peringkat global, kita perlu melabur dalam pembangunan tenaga manusia serta membimbing generasi baharu pakar mata, kita harus menerima inovasi dalam kesihatan digital, dan kita mesti memastikan kesaksamaan supaya rawatan yang menyelamatkan penglihatan dapat dicapai oleh semua, di mana sahaja mereka berada.

Apabila kita bekerjasama kata Yang Berhormat lagi, kepakaran kolektif kita menjadi satu kekuatan yang memberi impak besar di rantau ini dan seterusnya.

"Selaras dengan Wawasan Brunei 2035, matlamat kita adalah untuk mencapai sebuah negara yang makmur, inklusif, dan berdaya tahan.

"Penglihatan adalah salah satu anugerah terbesar dalam kehidupan, dan melindunginya merupakan satu tanggungjawab serta keistimewaan," tambah Yang Berhormat.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat juga mengiktiraf komitmen Persatuan Oftalmologi Brunei (Brunei Ophthalmology Society) atas dedikasi dan usaha berterusan dalam memajukan kesihatan mata melalui pembangunan profesional, inovasi dan program khidmat masyarakat.

Kongres Oftalmologi ASEAN merupakan perhimpunan profesional penjagaan mata yang paling berprestij di rantau ini, berperanan sebagai platform untuk memperkasa sains penglihatan, penyelidikan dan amalan klinikal dalam kalangan Negara-negara Anggota ASEAN.

YANG Berhormat menyempurnakan Majlis Pembukaan Kongres Oftalmologi ASEAN Ke-7.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Pembukaan Kongres Oftalmologi ASEAN Ke-7 (AOS 2025).

Bertemakan "Vision Beyond Borders : Bridging Regional Expertise, Elevating Eye Care for All", kongres berkenaan menzahirkan semangat ASEAN, iaitu Satu Wawasan, Satu Identiti, Satu Komuniti melalui kerjasama dan perkongsian ilmu dalam bidang oftalmologi.

Majlis pembukaan dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi dan Presiden Kongres Oftalmologi ASEAN Ke-7, Dr. Hajah Helena binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya menyempurnakan Majlis Pembukaan Kongres Oftalmologi ASEAN Ke-7.

Diikuti dengan tayangan video pelancaran rasmi yang menandakan penganjuran bersejarah AOS 2025 di NBD.

Seterusnya, ucapama disampaikan oleh Profesor dan Pengerusi Oftalmologi di Kolej Perubatan, University of Philippines, Manila serta Ketua Pakar Bahagian Kornea di Philippine General Hospital, Profesor Ruben Lim Bon Siong, yang bertajuk 'Corneal blindness in ASEAN : Ongoing Challenge'.

Serentak dengan kongres berkenaan, turut diadakan tiga

mesyuarat oftalmologi utama, iaitu Mesyuarat Bersama Oftalmologi Republik Singapura - Malaysia Ke-38, Mesyuarat Kumpulan Kajian Keradangan Okular Indo-China Ke-11, dan Simposium Profesional Kesihatan Bersekutu Oftalmik NBD yang pertama.

Perbincangan saintifik sepanjang kongres berkenaan merangkumi pelbagai topik termasuk pembedahan katarak dan refraktif, penyakit retina dan kornea, keradangan okular, diagnosis berasaskan AI, saringan retinopati diabetes, pengurusan trauma, serta kesihatan mata komuniti.

Dalam dekad yang lalu, NBD telah mencatatkan kemajuan ketara dalam memperluas dan memperkukuh perkhidmatan kesihatan mata. Sejak pengenalan perkhidmatan mata komuniti pada 2011, liputan kini telah meluas ke semua hospital kerajaan utama serta empat pusat kesihatan di seluruh daerah, sekali gus meningkatkan akses perkhidmatan dan mengurangkan masa menunggu pesakit.

Penganjuran AOS 2025 berkenaan menyerlahkan kepimpinan NBD yang semakin menonjol dalam bidang oftalmologi serantau serta komitmen berterusan negara dalam

memperkasa sistem penjagaan kesihatan yang saksama, inovatif dan mampan untuk semua lapisan masyarakat.

Kongres Oftalmologi ASEAN Ke-7 menandakan detik bersejarah bagi NBD dalam meraikan semangat perpaduan, kemajuan dan kolaborasi profesional di bawah wawasan bersama 'Vision Beyond Borders'.

Melalui kerjasama serantau dan perkongsian kepakaran, AOS 2025 berhasrat untuk mempertingkatkan standard penjagaan kesihatan mata serta memperkukuh keupayaan kolektif ASEAN dalam memberikan perkhidmatan penglihatan yang berkualiti dan mudah dicapai oleh semua.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Mohammad Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; serta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

DELEGASI ASSA DIRAIKAN PADA MAJLIS MAKAN MALAM

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 November. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menganjurkan Majlis Makan Malam Alu-aluan sempena Mesyuarat Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA) Ke-42, bagi mengalu-alukan delegasi yang terdiri daripada wakil institusi ahli ASSA, rakan antarabangsa serta tetamu jemputan dari rantau berkenaan, baru-baru ini.

Sebagai tanda penghargaan atas sumbangan dan kerjasama semua rakan ASSA, semasa Majlis Makan Malam berkenaan, cenderamata penghargaan telah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin

Abdullah selaku Pengerusi Lembaga Pengarah TAP kepada Pengerusi ASSA, Setiausaha Agung ASSA (2024-2025), ketua-ketua delegasi, serta penceramah bagi Sesi Perkongsian Amalan Terbaik daripada negara-negara ahli ASSA.

Pengarah Urusan Interim TAP, Awang Azmilin bin Haji Ramlee, merangkap Naib Pengerusi ASSA (2024-2025), dalam ucapan alu-aluannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli ASSA, penceramah plenari dan delegasi yang telah menyertai majlis berkenaan serta menyumbang kepada kemajuan keselamatan sosial di rantau ASEAN.

Beliau menegaskan bahawa majlis makan malam berkenaan bukan sahaja merupakan simbol

kerjasama serantau, malah mencerminkan perjalanan transformasi NBD dalam memperkukuh landskap perlindungan sosial melalui Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) yang dilancarkan pada 2023.

SPK katanya, merupakan pencapaian penting berasaskan prinsip kemampunan, keterangkuman dan jaminan jangka panjang bagi tenaga kerja negara.

Dengan mengangkat tema 'Collective Progress - Transformative Reforms Towards a Secure Future for All', beliau juga menyatakan bahawa transformasi sebenar bermula melalui pemerkasa dan inovasi yang mampu membangunkan dan meningkatkan daya tahan sosioekonomi.

Acara berkenaan juga menampilkan pameran Perusahaan Mikro, Kecil dan

Sederhana (PMKS) tempatan yang mempersembahkan produk serta kraf tempatan hasil kreativiti dan ketekunan usahawan NBD. Ramai antaranya berstatus bekerja sendiri yang disokong oleh inisiatif kerajaan dan skim keselamatan sosial.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Ahli-ahli Lembaga Pengarah TAP dan Ahli-ahli Komiti Lembaga TAP bagi memberikan sokongan terhadap komuniti keselamatan sosial ASEAN.

Majlis berkenaan turut menjadi wadah silaturahmi dan pertukaran budaya dalam suasana mesra sebelum berlangsungnya sesi Mesyuarat Lembaga ASSA, mencerminkan budaya NBD serta komitmen berterusannya dalam memperkukuh semangat perpaduan, kerjasama dan kemajuan bersama dalam komuniti keselamatan sosial ASEAN.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menyempurnakan penyampaian cenderamata penghargaan kepada salah seorang penerima.

MENJANA PERTUMBUHAN PELANCONGAN BERTANGGUNGJAWAB MELALUI PERKONGSIAN AWAM-SWASTA



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ketika berucap pada majlis tersebut.

pempelbagaian ekonomi negara. Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku tetamu kehormat pada Majlis Penandatanganan Perjanjian di antara Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd. bagi Projek Membangun, Mengendali dan Memelihara Prasarana di Taman Rekreasi Hutan Berakas bertempat di taman rekreasi berkenaan. Menurut Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama

dan Pelancongan, sebagai projek pertama seumpamanya yang melibatkan resort bertaraf antarabangsa, Yang Berhormat berharap ia akan meningkatkan pengalaman pelancong, menarik lebih ramai pelawat tempatan dan antarabangsa, mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan baharu, serta menggalakkan pelancongan berasaskan pemuliharaan yang melindungi keindahan semula jadi NBD. "Saya juga gembira bahawa Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd. akan bekerjasama dengan jenama hospitaliti antarabangsa terkemuka untuk menyokong pengurusan, pembangunan dan promosi taman ini. Perkongsian seperti ini amat penting bagi memastikan projek ini kekal berdaya maju dari segi komersial, mesra alam dan inklusif secara sosial - sekali gus memperkukuh keyakinan pelabur terhadap sektor pelancongan Brunei sebagai

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

destinasi utama ekopelancongan, kesejahteraan dan penerokaan budaya," ujar Yang Berhormat lagi. Sebagai projek perintis, Yang Berhormat berharap inisiatif ini akan memberi inspirasi kepada pihak-pihak lain untuk turut sama membangunkan projek pelancongan bertaraf antarabangsa. Yang Berhormat turut menzahirkan rasa yakin ia akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak pelaburan yang dipacu sektor swasta pada masa akan datang. "Dalam meneruskan langkah ke hadapan, marilah kita memastikan projek ini kekal berbandukan kepada prinsip kemampanan, penglibatan komuniti dan integriti alam sekitar, supaya pertumbuhan yang dicapai terus menyokong

pemuliharaan, pendidikan, dan kesejahteraan masyarakat," jelasnya lagi. Terdahulu itu, Yang Berhormat dalam ucapannya, merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Perhutanan dan Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd. atas kerjasama strategik ini - satu usaha sama yang menggabungkan inovasi, kemampanan dan penglibatan komuniti. Pembangunan ini, jelas Yang Berhormat, mencerminkan keyakinan sektor swasta yang semakin meningkat dan menegaskan komitmen Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memupuk perkongsian awam-swasta yang kukuh sebagai pemangkin pertumbuhan pelancongan yang bertanggungjawab.

>> Muka 1

Projek ini membuktikan peranan penting sektor swasta dalam membangunkan lagi industri pelancongan, di samping memperkukuh usaha

Memperkukuh kerjasama perniagaan tempatan melalui MOA



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Penandatanganan Perjanjian di antara Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd. dan seterusnya menyaksikan penandatanganan kontrak perjanjian tersebut (kanan dan atas).

BERAKAS, Khamis, 6 November. - Majlis Penandatanganan Perjanjian di antara Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd. bagi Projek Membangun, Mengendali dan Memelihara Prasarana di Taman Rekreasi Hutan Berakas diadakan petang tadi di Taman Rekreasi Hutan Berakas, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat untuk menyaksikan penandatanganan kontrak perjanjian tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin. Turut hadir, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta; Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan dari KSSUP; Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd.; serta rakan-rakan kerjasama yang terlibat dalam projek ini. Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan telah menyampaikan ucapan alu-aluan diikuti dengan majlis menandatangani perjanjian. Menandatangani perjanjian bagi pihak Jabatan Perhutanan ialah Pemangku Pengarah Perhutanan, Awang Reni bin Haji Yahya, sementara Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd. diwakili oleh pengurus syarikat berkenaan, Dato Ting Jack Chai. Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd. telah ditubuhkan bagi mengurus dan mengendalikan projek ini dengan kerjasama Jabatan Perhutanan, yang bertujuan untuk menaik taraf kemudahan sedia ada serta memperkenalkan pembangunan baharu bagi memperluas peluang pengalaman pelancongan berasaskan pelancongan alam semula jadi dan ekopelancongan. Selain itu, projek ini juga akan memperkukuh kerjasama dengan perniagaan tempatan bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan serta memperkayakan aktiviti di taman tersebut. Projek ini adalah salah satu inisiatif pihak KSSUP melalui



Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam usaha memperkukuhkan serta mempelbagaikan produk pelancongan di Daerah Brunei dan Muara. Melalui pelaksanaan projek ini, Taman Rekreasi Hutan Berakas disasarkan untuk diketengahkan sebagai salah satu destinasi ekopelancongan yang mempunyai lokasi strategik dan mudah untuk dikunjungi. Di samping itu, projek ini juga menyokong aktiviti pelancongan mampan yang selaras dengan komitmen berterusan negara terhadap amalan pembangunan lestari bagi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035. Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd. akan melaksanakan Projek Membangun, Mengendali dan Memelihara Prasarana dengan keluasan 8 hektar di Taman Rekreasi Hutan Berakas, Daerah Brunei dan Muara. Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan projek ini, Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd. juga menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan

rakan-rakan strategiknya bagi menyokong pengurusan, pembangunan dan promosi Taman Rekreasi Hutan Berakas. Usaha ini dijangka memperkukuh kerjasama dengan pelbagai pihak untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan projek ini dan kelestariannya. Projek ini diharap akan dapat meningkatkan lagi pengunjung dari dalam dan luar negara ke Taman Rekreasi Hutan Berakas untuk mendukung perkembangan sektor

pelancongan di Daerah Brunei dan Muara khasnya dan di Negara Brunei Darussalam amnya. Selain daripada itu, projek ini akan dapat membuka peluang pekerjaan baharu bagi anak-anak tempatan dan meningkatkan kesedaran mengenai kewujudan serta kepentingan hutan di negara ini, di samping memperkukuhkan usaha pemuliharaan khazanah alam semula jadi dan biodiversiti hutan untuk generasi masa kini dan akan datang.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

PENDEDAHAN BAHAYA, KESAN BULI, LAHIRKAN PELAJAR BERDISIPLIN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pelancaran buku berkenaan (atas dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

SUNGAI HANCHING, Khamis, 6 November. - Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Perasmian Program B.E.S.T



(Bantu, Empati, Sayangi, Tanggungjawab) serta Pelancaran Buku Peraturan dan Garis Panduan Disiplin bagi Sekolah-sekolah Rendah, Menengah, Maktab, Pusat Tingkatan Enam dan Asrama Kerajaan bertempat di Pusat Membeli Belah OneCity, hari ini.

Perasmian program dan pelancaran buku berkenaan disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin

PEMANGKU Ketua Bahagian Kaunseling, Dr. Hajah Dayang Nor Zaiham Midawati binti Haji Abdullah dalam ucapan alu-aluannya.

Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku tetamu kehormat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.

Terdahulu, Pemangku Ketua Bahagian Kaunseling, Dr. Hajah Dayang Nor Zaiham Midawati binti Haji Abdullah, dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa dengan kemajuan pesat dalam teknologi digital dan Kecerdasan Buatan (AI), para pelajar kini semakin terdedah kepada pelbagai risiko keganasan dalam talian (*online violence*) yang didorong oleh teknologi.

Bentuk keganasan ini jelasnya, merangkumi perlakuan buli, termasuk buli siber dan keganasan terhadap jantina (*gender-based violence*) yang melibatkan penggunaan teknologi, yang kini melangkaui sempadan bilik darjah dan berlaku dalam ruang digital.

"Kesan daripada buli siber boleh menjejaskan emosi, kesihatan mental, serta masa depan pelajar. Justeru itu, kesedaran tentang buli siber amat penting dalam usaha mendidik masyarakat, khususnya pelajar dan tidak terkecuali juga para pendidik dan masyarakat, agar menggunakan media sosial dengan lebih berhemah, beretika serta mewujudkan persekitaran digital yang selamat, sihat dan bebas daripada buli siber," ujarnya.

Majlis disusuli dengan Pelancaran Buku Peraturan dan Garis Panduan Disiplin bagi Sekolah-sekolah Rendah, Menengah, Maktab, Pusat



Tingkatan Enam dan Asrama Kerajaan, Kementerian Pendidikan 2025 oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diteruskan dengan forum penyampaian sijil kepada agensi yang terlibat dalam penghasilan buku berkenaan serta penyampaian sijil dan cenderahati kepada ahli panel dan moderator forum B.E.S.T.

Program selama tiga hari ini menampilkan pameran mengenai Program B.E.S.T pada 6 hingga 8 November 2025 dan disertai oleh 24 peserta dari agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan; Institusi-institusi pengajian tinggi kerajaan dan swasta serta persatuan-persatuan yang terlibat.

Program B.E.S.T merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan bagi membendung dan mencegah gejala buli dalam kalangan pelajar di sekolah.

Dengan tema 'Skrin Pintar : Mempelajari Cara Untuk Kekal Selamat Dalam Era Digital', program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan melalui penyebaran maklumat khusus untuk mendidik pelajar mengawal diri.

Ia juga bertujuan untuk mendedahkan mereka mengenai bahaya serta kesan buli, selain melahirkan pelajar yang berdisiplin, saling menghormati serta mempunyai keperibadian dan akhlak yang baik.

Turut hadir pada majlis perasmian Program B.E.S.T tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha tetap Kementerian Pendidikan; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan serta pemimpin-pemimpin sekolah, guru-guru dan pelajar.

Melengkapkan pendidik dengan alat praktikal, rangka kerja berteraskan Islam

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

TUNGKU LINK, Rabu, 5 November. - Kementerian Pendidikan melalui Unit Tenaga Pengajar, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA), Jabatan Pengurusan Pendidik hari ini mengadakan EduTALK 2025 sempena Sambutan Hari Guru Ke-35, bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada sesi petang hari

pertama ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

EduTALK 2025 berkenaan diadakan selama dua hari sehingga 6 November 2025, merangkumi empat sesi pada waktu pagi dan petang yang dilaksanakan dengan format yang sama serta dihadiri oleh 6,700 pendidik yang terdiri daripada para guru dan pemimpin sekolah dari seluruh negara.

Sesi petang dimulakan dengan

bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Imam Masjid UBD, Pengiran Muhd. Nasiruddin bin Pengiran Haji Abu Bakar, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah, selaku Pengerusi EduTALK 2025.

Sesi diteruskan dengan pembentangan ucapama bertemakan 'Tarbiyah dan Takwa : Meningkatkan Kesejahteraan Sosioemosi dan Psikososial Pendidik di Brunei Darussalam' yang disampaikan oleh Awang Hilman Fauzi, iaitu seorang Sarjana Islam, penceramah motivasi dan ahli akademik yang terkemuka yang mempunyai pengalaman luas dalam meneroka ilmu Islam tradisional dengan cabaran pendidikan semasa.

Antara tujuan utama EduTALK 2025 berkenaan diadakan adalah untuk melengkapkan para pendidik di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan alat praktikal dan rangka kerja berteraskan Islam

PARA pembentang semasa ucapama bertemakan 'Tarbiyah dan Takwa : Meningkatkan Kesejahteraan Sosioemosi dan Psikososial Pendidik di Brunei Darussalam'.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada sesi petang hari pertama EduTALK 2025 sempena Sambutan Hari Guru Ke-35.

bagi mengekalkan kesejahteraan mereka, khususnya daripada aspek sosioemosi dan psikososial.

Melalui pelaksanaan EduTALK berkenaan, inisiatif tersebut diharap dapat memupuk tenaga pengajar yang berlandaskan nilai kerohanian dan keteguhan jiwa dengan menyelaraskan prinsip-prinsip Islam, iaitu tarbiyah (pembangunan holistik) dan takwa (keinsafan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala), bersama pandangan psikologi kontemporari dalam menyokong kesejahteraan pendidik.

Selain itu, ia juga direka untuk menyokong para pendidik di NBD

dengan menyediakan satu rangka kerja yang mampan serta membolehkan mereka mengharungi cabaran profesional, memupuk perkembangan peribadi dan seterusnya memperkayakan pengalaman pembelajaran untuk pelajar serta komuniti yang lebih luas, sekali gus memastikan sistem pendidikan yang teguh dan penyayang.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi dan Pendidikan Teras), Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), ketua-ketua jabatan, dan para pegawai dari Kementerian Pendidikan.



Usaha memperkukuh dasar sosial bersepadu

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

DOHA, QATAR, Jumaat, 7 November. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad telah menghadiri The Second World Summit on Social Development yang diadakan pada 4 hingga 6 November 2025 di Doha, Qatar.

Sidang Kemuncak tersebut menghimpunkan lebih 14,000 peserta dari seluruh dunia, termasuk ketua-ketua negara dan kerajaan, Timbalan-timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri Bertanggungjawab terhadap pembangunan sosial, ketua-ketua pertubuhan antarabangsa, pemimpin belia, masyarakat sivil dan sektor swasta dan seterusnya mengesahkan Doha Political Declaration, yang menekankan tiga keutamaan yang saling berkait, iaitu pembasmian kemiskinan, pekerjaan yang penuh dan produktif serta pekerjaan yang layak untuk semua, dan integrasi sosial.

Sidang Kemuncak berkenaan telah dirasmikan oleh Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Puan Yang Terutama Annalena Baerbock; Setiausaha Agung PBB, Tuan Yang Terutama Antonio Guterres; His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani, Amir Qatar selaku tuan rumah dan Presiden bagi Economic and Social Council (ECOSOC), Tuan Yang Terutama Lok Bahadur Thapa.

Di dalam kenyataan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menegaskan komitmen berterusan negara terhadap pelaksanaan 1995 Copenhagen Declaration on Social Development, yang kini diperbaharui melalui Doha Political Declaration dan 2030 Agenda for Sustainable Development.

Yang Berhormat turut

mengongsikan langkah-langkah negara melalui Social Blueprint dan Manpower Blueprint yang dilaksanakan melalui pendekatan seluruh negara (Whole of Nation), menerusi platform kerjasama pelbagai agensi seperti Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP) dan Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Yang Berhormat juga turut menyentuh inisiatif serantau, termasuk penubuhan ASEAN Centre for Climate Change di Negara Brunei Darussalam dan sokongan terhadap ASEAN Comprehensive Framework on Care Economy.

Selain sesi plenari, beberapa platform dan inisiatif berkaitan turut diadakan termasuk dua High-Level Round Tables bagi membincangkan pengukuhan usaha pembasmian kemiskinan, mewujudkan peluang pekerjaan yang layak, peningkatan keterangkuman sosial, dan mengkaji semula kemajuan serta cabaran dalam pelaksanaan komitmen di bawah Copenhagen Declaration on Social Development and its Programme of Action dan 2030 Agenda for Sustainable Development.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam Sidang

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Sidang Kemuncak berkenaan (kanan), sementara gambar atas kanan, Yang Berhormat ketika berucap.



Kemuncak ini mempertunjukkan komitmen berterusan negara ke arah usaha sejagat dan mentakrifkan semula strategi dalam memperkukuh dasar

sosial yang bersepadu, memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan dalam perjalanan pembangunan lestari sejagat.

Hadir bersama Yang Berhormat, pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



MEMPERKUKUH KERJASAMA, PERKONGSIAN STRATEGIK PEMBANGUNAN KOMUNITI OKU DI NBD



Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Mesyuarat Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 November. - Sebagai sebahagian daripada aktiviti 'turun padang', empat Ahli Majlis Mesyuarat Negara daripada Kumpulan Cemerlang telah mengadakan sesi dialog bersama Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) yang menghimpunkan sembilan Pertubuhan Orang Kelainan Upaya (OKU) di Negara Brunei Darussalam berlangsung di

Bangunan Majlis Mesyuarat Negara, di sini.

Sesi tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kumpulan berkenaan untuk memahami status semasa, perkembangan serta cabaran yang dihadapi oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut.

MKOKU adalah Badan Induk (National Umbrella Body) dan satu-satunya Badan Bukan Kerajaan rasmi (NGOs) yang

mewakili organisasi-organisasi Orang Kelainan Upaya (OKU) di Negara Brunei Darussalam yang membawa visi masyarakat inklusif di mana hak, maruah dan kesejahteraan golongan berkeperluan khas diiktiraf, diterima, dan dilindungi secara adil.

MKOKU dianggotai oleh sembilan pertubuhan iaitu Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Society for the Management of Autism Related Issues in Training, Education and

YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa sesi bergambar ramai pada sesi dialog bersama Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) di Bangunan Majlis Mesyuarat Negara.

Resources (SMARTER), Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA), Special Olympics Brunei Darussalam (SOBD), Persatuan Orang Kurang Pendengaran (OKP), Persatuan Sindrom Down (ABLE), Brunei Darussalam National Association for the Blind (BDNAB), Persatuan Paraplegic and Physically Disabled Association (PAPDA), dan Learning Ladders Society (LLS).

Semasa sesi dialog, tujuh daripada sembilan pertubuhan hadir.

Pertubuhan - pertubuhan berkenaan menekankan beberapa isu dan cabaran utama seperti jurang pendidikan dan kekurangan guru yang terlatih dalam sokongan inklusif; Kekangan peluang pekerjaan dan kekurangan laluan persediaan kerjaya yang sesuai bagi OKU dan Infrastruktur dan

akses yang belum diseragamkan (seperti garis panduan tempat letak kereta OKU dan kemudahan akses).

Selain itu juga membincangkan mengenai ketidakselarasan dasar antara agensi yang mengakibatkan aplikasi dasar yang tidak jelas di peringkat pelaksanaan; Kesedaran dan amalan bahasa isyarat masih lemah dan belum disampaikan dengan efektif kepada masyarakat; Sumber yang terhad, khususnya buku teks braille dan Al-Quran braille yang masih banyak bergantung kepada sumber luar dan Keperluan kepada data dan penyelidikan yang lebih kukuh dan bersepadu.

Para Ahli Majlis Mesyuarat Negara mengakui ketabahan, komitmen dan rasa dedikasi yang ditunjukkan oleh pertubuhan-pertubuhan dalam terus berkhidmat kepada komuniti OKU walaupun berdepan sumber yang terhad dan kekangan struktur.

Sesi dialog diakhiri dengan komitmen kedua-dua pihak untuk memperkukuhkan kerjasama, meningkatkan penyelarasan dasar serta mengenal pasti perkongsian strategik bagi menyokong pembangunan masa depan komuniti OKU di Negara Brunei Darussalam.

Masjid Kampung Sungai Hanching anjur Majlis Khatam Al-Quran



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara turut hadir menyertai Majlis Khatam Al-Quran Yang diadakan di Masjid Kampung Sungai Hanching (atas). Manakala gambar kanan, sesi bergambar ramai pada majlis berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Hanching

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 November. - Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Sungai Hanching menzahirkan rasa kesyukuran selepas selesainya pembacaan 30 juz Al-Quran dengan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran berlangsung di masjid berkenaan. Hadir dan turut menyertai majlis

berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman yang juga Penaung AJK Takmir Masjid Kampung Sungai Hanching. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai



dan disusuli dengan bacaan Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas yang dikepalai oleh Ketua Imam Masjid Kampung Sungai Hanching, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumaat yang juga membaca Doa Khatam dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan Doa Tahlil.

Majlis juga diserikan dengan laungan Dikir Marhaban oleh peserta khatam dan para hadirin. Ketua Imam Masjid Kampung Sungai Hanching berkata ibadah membaca Al-Quran diadakan setiap hari selepas Sembahyang Fardu Subuh dan Sembahyang Fardu Magrib.

"Ibadah membaca Al-Quran ini telah menjadi budaya yang sangat positif dan sangat mengalakkan di masjid ini dan saya yakin akan meningkatkan kecintaan kepada Al-Quran dan memperkukuhkan lagi perpaduan di kalangan AJK masjid, jemaah dan di kalangan penduduk di situ," jelasnya.

ATLET SUKAN KARATE BERLEPAS KE RIYADH, ARAB SAUDI



**Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad**

BERAKAS, Khamis, 6 November. - Seramai tiga ahli Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri

PARA ahli Kontinjen Negara Brunei Darussalam semasa sesi bergambar ramai sebelum berlepas ke Kejohanan Sukan Perpaduan Islam Ke-6 (atas). Manakala gambar atas kiri dan kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

daripada pasukan karate iaitu dua atlet dan seorang jurulatih telah berlepas ke Riyadh, Arab Saudi bagi menyertai Kejohanan Sukan Perpaduan Islam Ke-6.

Awang Muhammad Nazirul bin Haji Johar akan menyertai acara Men's Individual Kata, manakala Dayang Farrah Syahirah binti Mohd. Shamrin akan bertanding dalam acara Women's Individual Kata.

Atlet-atlet karate negara akan bertanding pada pada 11 November 2025 bertempat di Malaz Combat Hall.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Awang Shahram bin Haji Abd. Rahman, diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Hadir sama di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan, Persatuan Sukan Kebangsaan serta para ibu bapa dan penjaga.

Rombongan terakhir akan bertolak ke Riyadh, Arab Saudi pada Khamis, 13 November 2025.



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Suip bin Haji Abdul Wahab semasa hadir pada majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima (atas dan kanan). Sementara gambar atas kanan sekali, Pembimbing bengkel, Nisah Haron semasa berucap.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Rabu, 5 November. - Seramai 45 orang mengambil bahagian dalam Program Penulis Muda : Bengkel Penulisan Cerpen anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Dari jumlah tersebut, 35 orang peserta berusia dalam lingkungan 15 hingga 40 tahun, sementara 10 orang peserta melebihi lingkungan umur yang ditetapkan dan berminat dalam menyertai program berkenaan.

Program selama tiga hari itu berakhir pada petang tadi di Balai Sarmayuda, DBP. Hadir

menyampaikan sijil dan cenderamata ialah Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab. Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Hajah Hairani binti Haji Awang Damit.

Pembimbing bengkel, Nisah Haron dalam ulasannya berkata bahawa semua peserta berpotensi untuk menghasilkan cerpen yang baik dan berkualiti dan ada antara cerpen peserta yang sesuai diterbitkan dalam Majalah Bahana terbitan DBP.

Beliau juga mengesyorkan bagi

pelaksanaan program susulan iaitu program pemurnian cerpen sebagai galakan dan sokongan berterusan kepada penulis muda dalam menghasilkan karya sastera khususnya genre cerpen yang berkualiti. Bengkel berakhir dengan persembahan 'baca fragmen cerpen' daripada beberapa orang

penulis muda yang terpilih.

Sebagai tanda penghargaan atas penyertaan dalam program berkenaan, sijil dan cenderamata telah disampaikan kepada pembimbing dan peserta yang mewakili jabatan kerajaan, guru, mahasiswa institusi pengajian tinggi serta peserta individu yang



berminat dalam penulisan karya sastera kreatif.

Bengkel tersebut telah dapat mencapai salah satu objektif program iaitu memberi bimbingan kepada penulis muda untuk berkarya dengan bersistematik dan terarah, yang dipandu oleh pakar sastera dan penulis mampan, di samping melahirkan lebih ramai penulis muda yang berbakat dan berkemahiran berumur antara 15 hingga 40 tahun.

Pendaftaran SMS keputusan PSR 2025 dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 November. - Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd. (Progresif), Imagine Sdn. Bhd. (Imagine) dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) akan menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) bagi mendapatkan Keputusan Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi tahun 2025.

Ibu bapa atau penjaga serta pelajar yang ingin melanggan perkhidmatan ini boleh mendaftar melalui telefon bimbit menggunakan khidmat

pesanan ringkas (SMS) dengan memasukkan teks MOE<jarak>REG<jarak>[KOD PUSAT]<jarak>[NOMBOR CALON] dan dihantar ke +673 8885555 bagi pelanggan DST, +673 38666 bagi pelanggan Progresif dan +673 39666 bagi pelanggan Imagine.

Ibu bapa atau penjaga serta pelajar boleh mula melanggan perkhidmatan ini mulai pada Jumaat, 7 November 2025. Para pelanggan adalah dimaklumkan bahawa tiada sebarang bayaran akan dikenakan semasa pendaftaran yang dilakukan melalui telefon bimbit.

Keputusan peperiksaan hanya

akan dihantar kepada pelanggan melalui SMS setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan untuk mengeluarkan keputusan tersebut. Pelanggan akan dikenakan pembayaran berjumlah BND3 bagi setiap keputusan SMS yang diterima.

Kementerian Pendidikan berharap melalui perkhidmatan yang disediakan ini akan dapat memberi manfaat kepada orang ramai, terutama sekali para ibu bapa atau penjaga dan pelajar serta pihak berkepentingan Kementerian Pendidikan secara umum.

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan mengenai tatacara pendaftaran, bolehlah berhubung terus melalui nombor +673 8671355 atau e-mel ke moeresults@machbrunei.com.

Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Separuh Akhir bermula 10 November ini

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 November. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi akan diadakan selama tiga hari berturut-turut, iaitu Isnin, Selasa dan Rabu, 19, 20 dan 21 Jamadilawal 1447H bersamaan 10, 11 dan 12 November 2025M mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.30 hingga 4.00 petang, bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sementara itu, Majlis Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Hadiah dan Cenderamata kepada para peserta dan hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447H/2026M akan diadakan pada Khamis, 22 Jamadilawal 1447 bersamaan 13 November 2025, jam 1.45 petang di tempat yang sama.

Seramai 71 peserta terdiri daripada 57 qari dan 14 qariah akan memperdengarkan bacaan masing-masing pada hari pertama sehingga hari terakhir pertandingan.

Bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk mengikuti Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan berkenaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) akan menyiarkan secara langsung (*live streaming*) melalui akaun Instagram rasmi KHEU @kheu.brunei dan Microsoft Teams <https://tiny.cc/kheumusabaqah>.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan merupakan pertandingan yang menjadi medan kelayakan ke peringkat akhir kebangsaan dan seterusnya ke peringkat antarabangsa yang akan datang.

Penganjuran musabaqah seumpama berkenaan dihasrat dapat memberikan pendedahan serta galakan kepada para qari dan qariah negara dalam usaha meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran mereka.

Di samping itu, ia turut membuka minda dan menarik minat masyarakat agar mempelajari teknik bacaan yang betul dan lebih teratur.

Musabaqah berkenaan merupakan projek tahunan anjuran KHEU yang bertujuan untuk memartabatkan bidang Al-Quran di peringkat kebangsaan.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan dan mengembangkan lagi bidang berkenaan serta mendorong masyarakat ke arah celik ilmu-ilmu Al-Quran. Sesungguhnya, ia merupakan wadah zikir untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, doa untuk memohon kepada-Nya serta peringatan supaya kita dijauhkan daripada sebarang kelalaian yang merugikan.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Cabaran Memupuk Hubungan Kejiranan'. Tarikh Tutup : **12 November 2025**
- 2.'Mewujudkan Keamanan Dunia melalui Hubungan Antarabangsa'. Tarikh Tutup : **19 November 2025**
- 3.'Peranan Pendidikan Dalam Mencegah Penyeludupan Remaja'. Tarikh Tutup : **26 November 2025**

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



SILA IMBAS UNTUK
KHUTBAH LENGKAP

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ


 جڤاتن حال احوال مسجد
 JABATAN HAL EHWAL MASJID,
 KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SABAR MENEMPUH UJIAN SAKIT

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA
16 JAMADILAWAL 1447H / 07 NOVEMBER 2025M



1

UJIAN YANG MENDUGA KEIMANAN & KESABARAN

Antara ujian yang benar-benar menduga keimanan dan kesabaran seseorang itu ialah ujian sakit yang menimpa diri, ahli keluarga atau masyarakat sekeliling kita.



UJIAN

- MEMBUKTIKAN KEIMANAN
- MENINGGIKAN DARJAT KESABARAN
- MEMBERSIHKAN DOSA HAMBANYA

2

SABAR HENDAKLAH BERJALAN SEIRING DENGAN USAHA



Islam menuntut kita mencari rawatan yang harus lagi bermanfaat, memastikan kehalalan dan keselamatan, mendengar nasihat pakar dan menjauhi segala bentuk **khurafat, tangkal, azimat dan perbomohan** yang menyalahi akidah.

KESEMBUHAN
YANG
SEBENAR

ADALAH DARIPADA



4

AMALAN YANG DIAJARKAN RASULULLAH S.A.W KEPADA UTHMAN BIN ABI AL-'AS AS-SAQAFI

Dia menemui Rasulullah S.A.W menerangkan tentang penyakit yang dideritainya itu. Rasulullah S.A.W bersabda: Letakkan tanganmu pada bahagian yang sakit, lalu bacalah "bismillah" tiga kali, kemudian bacalah sebanyak tujuh kali;

أَعُوذُ بِاللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأُحَادِرُ

Ertinya: Aku berlindung kepada Allah dan kekuasaanNya dari penyakit yang aku derita dan aku cemaskan.

3

ADAB KETIKA SAKIT



Antara adab ketika sakit itu adalah menjaga sembahyang dan zikir, menjaga kebersihan diri dan persekitaran, menjaga pemakanan yang baik, mematuhi nasihat doktor serta memohon doa dari keluarga dan sahabat.



AL-QURAN: SETIAP AYAT-AYAT AL-QUR'AN MEMPUNYAI KELEBIHAN TERSENDIRI

Amalkan Surah al-Fatihah dan al-mu'awwizatain iaitu Surah al-Falaq dan Surah an-Nas sebagai rukyah dengan tartil, adab dan keyakinan.

APA YANG BOLEH KITA BUAT KETIKA SAKIT?

Hadapilah sakit dengan iman, sabar, usaha yang berlandaskan syariat dan tawakkal



SERUAN Suci

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Dalam menjalani kehidupan ini, kita tidak sunyi daripada menerima ujian dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ujian dan dugaan tersebut sama ada berbentuk kebaikan atau keburukan, kegembiraan atau kesedihan, kejayaan atau kegagalan, kemiskinan atau kekayaan, sihat atau sakit dan sebagainya.

Sesungguhnya ujian dan dugaan yang ditimpakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya adalah untuk menguji sejauh mana kekuatan iman, ketakwaan dan kesabaran mereka. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 2-3 :

Tafsirnya : "Adakah manusia itu menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan (hanya) berkata : "Kami telah beriman," sedang mereka tidak diuji? Dan

Sabar menempuh ujian sakit

demi sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar beriman dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang berdusta".

Antara ujian yang benar-benar menduga keimanan dan kesabaran seseorang itu ialah ujian sakit yang menimpa diri, ahli keluarga atau masyarakat di sekeliling kita. Ujian itu bukan tanda benci dan bukanlah juga sesuatu yang sia-sia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Bahkan ruang yang Allah Subhanahu Wata'ala buka untuk membuktikan keimanan, meninggikan darjat kesabaran dan membersihkan dosa hamba-Nya. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam mengajar kita agar sentiasa bersangka baik, bersabar dan memperbanyakkan istighfar kerana sakit itu menggugurkan dosa serta menjadi asbab pengampunan. Daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tidak ada seorang Muslim ditimpa cubaan berupa sakit dan sebagainya, melainkan dihapuskan oleh Allah dosa-dosanya seperti sebatang pohon yang menggugurkan daunnya". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Namun sifat sabar itu hendaklah berjalan seiring dengan usaha. Islam tidak menyuruh kita hanya pasrah tanpa berikhtiar. Bahkan menuntut kita mencari rawatan yang harus lagi bermanfaat, memastikan kehalalan dan keselamatan, mendengar nasihat pakar dan menjauhi segala bentuk khurafat, tangkal azimat dan perbomohan yang menyalahi akidah. Ini kerana kesembuhan yang sebenar adalah daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, daripada Abu Darda Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah tidak menurunkan penyakit melainkan Dia menurunkan juga ubatnya. Ada yang mengetahuinya dan ada yang tidak mengetahuinya".

Maka kita berikhtiar, dengan hati tetap

bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala telah mendidik kita melalui doa Nabi Ibrahim Alaihissalam sepertimana dalam Surah Ash-Shu'ara, ayat 78 - 80 :

Tafsirnya : "Tuhan yang menciptakan aku maka Dialah yang mengurniakan hidayah kepadaku. Dan Dialah yang mengurniakan aku makan dan minum. Dan jika aku sakit maka Dialah yang menyembuhkan aku".

Antara adab ketika sakit itu adalah menjaga sembahyang dan zikir, menjaga kebersihan diri dan persekitaran, menjaga pemakanan yang baik, mematuhi nasihat doktor serta memohon doa daripada keluarga dan sahabat. Ziarah orang sakit juga disunatkan demi menguatkan jiwa dan menambah pahala.

Syarak juga mengajar rukyah dan doa. Rasulullah mengajarkan doa untuk pesakit, iaitu :

Maksudnya : "Ya Allah, Tuhan manusia, hilangkanlah rasa sakit ini, sembuhkanlah, sesungguhnya Engkau adalah zat yang Maha menyembuhkan, tidak ada kesembuhan selain kesembuhan daripada-Mu, iaitu kesembuhan yang tidak meninggalkan sedikit pun penyakit".

Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam juga mengajarkan doa kepada sahabat yang sakit. Ini sebagaimana disebut dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim bahawa Othman bin Abu al-As as-Saqafi Radiallahuanhu telah menderita sakit pada salah satu anggota tubuhnya. Kemudian dia menemui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerangkan tentang penyakit yang dideritainya itu. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Letakkan tanganmu pada bahagian yang sakit, lalu bacalah 'Bismillah' tiga kali, kemudian bacalah sebanyak tujuh kali".

Ertinya : "Aku berlindung kepada Allah dan kekuasaan-Nya daripada penyakit yang aku deritai dan aku cemaskan".

Othman bin Abu al-As as-Saqafi berkata : Bahawa setelah aku amalkan ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu, tidak lama kemudian aku berasa sembuh

daripada penyakit yang telah aku deritai beberapa waktu lamanya :

Selain itu, amalkan juga Surah Al-Fatihah dan Al-Mu'awwizatin (Surah Al-Falaq dan Surah An-Nas) sebagai rukyah dengan tartil, adab dan keyakinan. Sesungguhnya setiap ayat-ayat Al-Quran itu mempunyai kelebihan dan keagungan yang tersendiri. Al-Quran juga adalah penawar atau ubat yang mampu menyembuhkan pelbagai jenis penyakit. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 82 :

Tafsirnya : "Dan Kami menurunkan daripada Al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir) selain kerugian".

Kita hadapi sakit dengan iman, sabar, usaha yang berlandaskan syariat dan tawakal yang jitu. Jangan berputus asa daripada rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Perbanyakkanlah istighfar, sedekah, doa dan tolong-menolong. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kesembuhan yang sempurna, mengangkat darjat kita dan memelihara kita sekalian dalam rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Sama-samalah kita berdoa : "Ya Allah! Kami memohon kepada-Mu keselamatan dalam agama, kesejahteraan pada tubuh badan, penambahan ilmu, keberkatan rezeki, mendapat rahmat ketika menghadapi kematian, keampunan selepas kematian, mendapat kebahagiaan pada hari akhirat dan terlepas daripada seksa dan azab api neraka serta dimasukkan ke dalam syurga bersama para nabi, orang-orang sadiqin, para syuhada dan orang-orang soleh. Amin Ya Rabbal Alamin".

Tafsirnya : "Katakanlah (wahai Nabi Muhammad kepada orang-orang munafik itu) : Sesuatu pun sekali-kali tidak akan menimpa kami melainkan apa yang Allah telah tetapkan bagi kami. Dialah pelindung kami. Dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah sahajalah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal". (Surah At-Tawbah, ayat 51)

Mohon inayah, keberkatan hadapi Peperiksaan SSSRU



SUASANA pada Majlis Solat Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi calon-calon sekolah agama yang akan menduduki Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama (SSSRU), bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkhiah, Kampung Kiarong (atas, kanan dan bawah kanan).

KIARONG, Khamis, 6 November. - Bagi memohon Inayah dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala, di samping melaksanakan persediaan bagi menghadapi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama (SSSRU) pada bulan November ini, Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-Sekolah Agama (JKPSSU) Kawasan Brunei IIA petang tadi mengadakan Majlis Solat Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi calon-calon sekolah agama yang akan menduduki Peperiksaan SSSRU, bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkhiah, Kampung Kiarong, di sini.

Majlis yang dihadiri oleh para ibu bapa dan penjaga murid-murid Darjah VI sekolah-sekolah agama

Kawasan Brunei IIA itu dimulakan dengan menunaikan Solat Hajat Berjemaah.

Diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Awang Mohd. Suhnoromardi bin Haji Suhaimi dan seterusnya bacaan Doa Khas oleh Awang Mohd. Arifin bin Haji Saili.

Majlis berkenaan antara lain diadakan untuk memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar sekalian murid dipermudahkan dalam menghadapi peperiksaan yang bakal tiba serta dikurniakan kejayaan yang cemerlang.

Majlis seumpamanya juga diadakan bagi calon-calon peperiksaan SSSRU sekolah-sekolah agama Kawasan Brunei I pada 1 November lalu, yang dihadiri oleh kira-kira 500 murid

bersama para ibu bapa dan penjaga masing-masing.

Murid-murid Darjah VI sekolah



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



agama seluruh negara dijadualkan menduduki Peperiksaan Bertulis SSSRU bermula pada 10 hingga 24 November ini.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباءا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

MAJLIS MALAM SENANDUNG KASIH RAIKAN ROMBONGAN RTB, RTM, RRI



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 November. - Radio Televisyen Brunei (RTB) menjadi tuan rumah bagi Program Bermukun Se-Borneo 2025 dengan kerjasama Radio Republik Indonesia (RRI) yang bermula hari ini hingga 9 November 2025.

Bagi meraikan dan mengalu-alukan penyertaan dan kedatangan rombongan delegasi daripada RTB dan RRI, Majlis Malam Senandung Kasih diadakan di Bahtera Hall, Hotel Badi'ah, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong. Hadir sama, ketua-ketua delegasi, para penaja serta pegawai-pegawai kanan RTB.

Bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan Program Bermukun Se-Borneo lebih teratur dan berkesan, para delegasi dan negara tuan rumah akan sama-sama berbincang dalam mesyuarat penyalarsan penerbitan rancangan Perjanjian Persefahaman (MoU) RTB / RTM / RRI ke arah penambahbaikan dari segi konsep



PEMANGKU Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Malam Senandung Kasih dan seterusnya sesi bergambar ramai bersama para rombongan delegasi RTB dan Radio Republik Indonesia (RRI) yang berlangsung di Bahtera Hall, Hotel Badi'ah (atas dan atas kiri).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman

dan kandungan program.

Antara lain objektif program ini diadakan adalah bagi mengerat hubungan serumpun iaitu untuk mengukuhkan hubungan persahabatan dan kerjasama antara Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Republik Indonesia dengan memberi fokus kepada aspek kebudayaan yang menjadi identiti

bersama dalam kalangan negara-negara serumpun.

Platform program ini akan terus memelihara warisan dan nilai-nilai budaya yang menjadi aset penting bagi ketiga-tiga negara, seperti adat resam, seni persembahan, Bahasa dan makanan tradisional yang memiliki persamaan antara ketiga-tiga negara.

Galeri PSB perkenalkan sejarah negara

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 November. - Pusat Sejarah Brunei (PSB), melalui Bahagian Pameran dan Perkhidmatan, mengalu-alukan institusi kerajaan, swasta dan orang ramai untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke galeri-galeri PSB sebagai usaha memperkenalkan sejarah Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada semua lapisan masyarakat.

Sehubungan itu, PSB hari ini menerima lawatan serombongan pelawat terdiri daripada 20 anggota Batalion Kedua, Royal Gurkha Rifles (2RGR), yang diketuai oleh Sargent (Sgt.) Pratap Rai.

Rombongan berkenaan melawat enam galeri kekal di PSB iaitu Galeri Sejarah Brunei Tua; Galeri Koleksi Manuskrip Borneo; Galeri Era Kegemilangan Brunei; Dewan Pameran Salasilah; Galeri Sejarah Awal Hubungan Brunei dengan Negara Luar dan Galeri Perlembagaan Negeri

Brunei bagi mengetahui sejarah dan warisan NBD dengan lebih lanjut.

Terdahulu, kedatangan rombongan ke PSB dialu-alukan oleh Pegawai Sejarah, Dayang Hajah Siti Aisah binti Pungut, sementara penerangan mengenai pameran disampaikan oleh Atendan Pameran, Awang Mohd. Azlan bin Mohd. Hassan.

Lawatan ke galeri pameran PSB, di ibu negara, dibuka untuk orang ramai secara percuma. Waktu operasi lawatan adalah pada Isnin hingga Khamis serta Sabtu, bermula dari pukul 8.30 pagi hingga 4.00 petang. Menurut statistik, galeri PSB telah mencatatkan lebih 2,000 pengunjung sehingga bulan September tahun ini.

Justeru, PSB mengalu-alukan orang ramai, terutama para pelajar, untuk mengunjungi galeri dan mengetahui paparan sejarah yang dipamerkan bagi menambah ilmu pengetahuan mereka.



PUSAT Sejarah Brunei (PSB) telah menerima lawatan daripada rombongan anggota Batalion Kedua, Royal Gurkha Rifles, di mana rombongan tersebut melawat enam galeri kekal di PSB.

BKISHHB, PABD anjur cerapan aktiviti Saturn's Rings Disappearance

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 November. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) dengan kerjasama Persatuan Astronomi Brunei Darussalam (PABD) telah mengadakan aktiviti cerapan Fenomena Hilangnya Cincin Planet Zuhul atau 'Saturn's Rings Disappearance' di kawasan lapang depan bangunan balai berkenaan.

Aktiviti cerapan tersebut adalah salah satu program yang diadakan dalam Pameran Astronomi: Kaedah Penentuan Awal Bulan Hijri yang dilancarkan pada 1 November 2025.

Pameran Astronomi: Kaedah Penentuan Awal Bulan Hijri berlangsung selama sebulan bermula dari 1 hingga 30 November 2025 dan buat pertama kalinya diadakan yang melibatkan kolaborasi bersama lima buah agensi dan persatuan iaitu, Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS (Malaysia, Republik Indonesia dan Republik Singapura), Kementerian Hal Ehwal Ugama; Jabatan Kehakiman Negara; Jabatan Mufti Kerajaan; Jabatan Ukur dan PABD.

Fenomena Hilangnya Cincin Planet Zuhul atau 'Saturn's Rings Disappearance' ialah fenomena yang jarang berlaku dan berlaku setiap 15 tahun sekali apabila Zuhul berada di dalam kedudukan yang dipanggil sebagai *equinox*, iaitu apabila cincinnya akan kelihatan sangat samar atau langsung tidak kelihatan dari Bumi.

Para saintis menduga bahawa Cincin Planet Zuhul secara



ANTARA yang menyertai aktiviti cerapan Fenomena Hilangnya Cincin Planet Zuhul atau 'Saturn's Rings Disappearance' di kawasan lapang depan bangunan balai berkenaan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

perlahan akan menghilang kerana daya tarikan graviti dan proses 'hujan cincin', di mana zarah-zarah ais jatuh ke atmosfera planet.

"Cincin Zuhul akan berada di tengah-tengah langit pada jam 9 malam, dan jika langit tidak terlalu berawan, kita akan berpeluang untuk menyaksikannya melalui teleskop," ujar ahli PABD, Awang Haji Md. Azri bin Haji Ibrahim.

Beliau juga menambah bahawa jarak planet Zuhul (Saturn) ke Bumi adalah kira-kira 8.9 Astronomical Unit.

Selain itu, aktiviti sempena cerapan juga disertai aktiviti-aktiviti menarik seperti berkhemah (*glamping*), soalan kuiz (Kahoot), padan gambar mengikut info, mewarna, teka silang kata dan angka matematik Islam dan aktiviti jual-jualan.

Selain Pameran Astronomi:

Kaedah Penentuan Awal Bulan Hijri, beberapa pengisian aktiviti sampingan juga akan dilaksanakan di sepanjang bulan November 2025.

Antara aktiviti yang akan dilaksanakan termasuk, Aktiviti Water Bottle Rocket Launcher; Cerapan Matahari 'Sunspots'; 'Sunflares'; Fenomena Hilangnya Cincin Planet Zuhul 'Saturn's Rings Disappearance'; Taklimat mengenai kaedah penentuan Awal Bulan Hijri daripada Jawatankuasa Teknikal Falak Syarie Negara Brunei Darussalam (NBD); Cerapan Matahari 'Sunspots' dan lalu 'Sunflares'; Rukyah Hilal Bulan Jamadilakhir 1447 'practical hands-on'; Aktiviti mewarna dan teka silang kata (Mix and Match Planets, Islamic Significant Numbers) dan Aktiviti Kuiz Kahoot.

LAWATAN PENGENALAN EJEN PELANCONGAN CHINA



SERAMAI enam ejen pelancongan dari Beijing dan Guangzhou telah menyertai Lawatan Pengenalan (FAM Trip) anjuran Jabatan Kemajuan Pelancongan (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 November. - Susulan maklum balas positif yang diterima semasa penyertaan Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP) di ITB China 2025 di Shanghai awal tahun ini, JKP dengan kerjasama Singapore Airlines dan sebuah ejen pelancongan tempatan, baru-baru ini, menganjurkan Lawatan Pengenalan (FAM Trip) bagi enam ejen pelancongan dari Republik Rakyat China yang menumpukan perkhidmatan mereka kepada pelancongan Meetings, Incentives, Conventions dan Exhibitions (MICE).

Rombongan yang tiba dari Beijing dan Guangzhou ini meneroka keunikan Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui alam semula jadi, budaya dan keramahan penduduk, yang menjadikan negara ini sebagai destinasi baharu bagi acara perniagaan dan perjalanan insentif. Sepanjang program lima hari tersebut, para peserta mengikuti jadual perjalanan yang dirancang khas, yang menonjolkan pelbagai tawaran pelancongan dan MICE di negara ini. Lawatan tersebut melibatkan peninjauan lokasi seperti hotel



terpilih dan ruang acara; aktiviti pembinaan pasukan (*team building*) insentif di Serasa, pengembaraan pulau serta sesi *icebreaker* interaktif termasuk tarik kalat dan cabaran berkumpul yang direka untuk menggalakkan kerjasama dan semangat berpasukan.

Tarikan utama dalam jadual perjalanan tersebut ialah Jerudong Beachside Glamping, pengalaman unik yang menggabungkan perkhidmatan luar dengan pemandangan pesisir NBD.

Para peserta juga melawat mercu tanda di negara ini termasuk Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Istana Nurul Iman, The Frame, dan Masjid Omar 'Ali Saifuddin, yang memperlihatkan warisan budaya dan seni bina NBD.

Lawatan ini turut memberi peluang kepada rombongan untuk menikmati keindahan alam semula jadi di Ulu Temburong, di mana kumpulan tersebut mengambil bahagian dalam demonstrasi memasak dan aktiviti pengembaraan seperti berakit dan berkayak.

Semasa lawatan, JKP berinteraksi dengan ejen pelancongan Republik Rakyat China untuk membincangkan potensi kerjasama masa hadapan, antaranya promosi pemasaran bersama bagi meningkatkan pendedahan NBD di pasaran Republik Rakyat China. Inisiatif berkenaan selaras dengan momentum pertumbuhan pelancong Republik Rakyat China ke negara ini.

NBD mencatatkan ketibaan 39,007 pelawat dari Republik Rakyat China pada tahun 2024, dan sehingga September 2025, angkanya telah mencecah 32,555. Ini menunjukkan pertumbuhan yang stabil dan minat yang meningkat dalam kalangan pelancong Republik Rakyat China.

Program pengenalan seperti ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan trend positif tersebut, di samping mempromosikan NBD sebagai destinasi premium yang aman untuk kedua-dua acara santai dan perniagaan.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti dan tawaran pelancongan di NBD, sila layari laman web rasmi Pelancongan Brunei di www.brunetourism.com atau Instagram [@info.brunetourism](https://www.instagram.com/info.brunetourism).

Jabatan Penerangan teruskan Program Sua Muka di Mukim Lamunin



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

LAMUNIN, Rabu, 5 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) terus melaksanakan usahanya untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan, melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Daerah, mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Layong dan Kampung Bukit Sulang, Menengah dan Panchong, Mukim Lamunin, Daerah Tutong bertempat di Dewan Kemasyarakatan Kampung Layong, Mukim Lamunin, Daerah Tutong, hari ini.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Turut hadir, Pemangku Ketua Kampung Layong, Awang Mohammad Noh bin Haji Mohammad Taib, dan Pemangku Ketua Kampung Bukit Sulang, Menengah dan Panchong, Awang Muhammad Fitri Zulhilmi bin Haji Muhammad Shah Asnawi.

Juga hadir bagi menyampaikan taklimat kepada penduduk-penduduk kampung ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Tenaga dan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan, di mana beliau menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan antaranya Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Awang Haji Fathi Foad turut



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, ketika menyampaikan ucapannya (atas kiri). Manakala gambar atas, sesi bergambar ramai bersama semua pihak yang terlibat dalam menjayakan acara tersebut.

mengongsikan salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisi dengan perkongsian maklumat daripada agensi yang dijemput dan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan prasarana, pengurusan dan penyelenggaraan infrastruktur, kebersihan dan kelestarian persekitaran serta kemudahan dan perkhidmatan komuniti di kawasan berkenaan serta hal-hal lain.



ANTARA yang hadir pada Program Sua Muka bagi Kampung Layong dan Kampung Bukit Sulang, Menengah dan Panchong, Mukim Lamunin, Daerah Tutong bertempat di Dewan Kemasyarakatan Kampung Layong, Mukim Lamunin, Daerah Tutong.

MEMPERKUKUH PERPADUAN, KERJASAMA SERANTAU INSTITUSI KESELAMATAN SOSIAL ASEAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 November. - Mesyuarat Lembaga dan Sekretariat Pertubuhan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA) Ke-42 telah diadakan pada 5 November 2025 di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Mesyuarat berkenaan dianjurkan oleh Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan dihadiri oleh para delegasi daripada institusi ahli ASSA di seluruh rantau ASEAN.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Presiden dan Pengurus Besar Government Service Insurance System (GSIS) Republik Filipina, Jose Arnulfo A. Veloso, selaku Pengerusi ASSA bagi tahun 2024-2025.

Dalam sesi berkenaan, beliau memulakan mesyuarat dengan menyampaikan ucapan alu-aluan serta mempengerusikan Mesyuarat Lembaga ASSA tersebut.

Sesi berkenaan turut

menampilkan penandatanganan Ikrar Kelestarian ASSA, tayangan video konsep Trofi ASSA, Anugerah Pengiktirafan ASSA 2025, serta tayangan video Sorotan Tahunan ASSA yang memaparkan pencapaian dan kerjasama institusi ahli sepanjang tahun.

Antara agenda mesyuarat ialah pelantikan rasmi Pengarah Urusan Interim TAP, Awang Azmilen bin Haji Ramlee sebagai Pengerusi ASSA bagi tahun 2025-2026. Turut diumumkan ialah pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif Central Provident Fund (CPF) Board, Republik Singapura, Puan Melissa Khoo, sebagai Naib Pengerusi ASSA, serta Timbalan Pengarah Urusan TAP, Haji Ibnu Shahrinuddin bin Haji Ibrahim, sebagai Setiausaha Agung ASSA bagi tahun 2025-2026.

Selepas Majlis Penyerahan berkenaan, Pengerusi Lembaga ASSA bagi sesi 2025-2026



MESYUARAT Lembaga dan Sekretariat Pertubuhan Keselamatan Sosial ASEAN Ke-42 dianjurkan oleh Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah mengambil tempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

merakamkan penghargaan kepada Pengerusi terdahulu dan menegaskan komitmen NBD untuk terus memperkukuh kerjasama dan inovasi keselamatan sosial di rantau ASEAN di bawah tema

'Collective Progress - Transformative Reforms Towards a Secure Future for All'.

Kejayaan penganturan Mesyuarat Lembaga dan Sekretariat ASSA Ke-42

berkenaan menandakan satu lagi pencapaian penting dalam memperkukuh perpaduan, perkongsian ilmu dan kerjasama serantau dalam kalangan institusi keselamatan sosial ASEAN.

Tingkatkan kesedaran mengenai jenayah perdagangan manusia



SERAMAI 75 petugas barisan hadapan yang terdiri daripada kakitangan Muara Port Company (MPC) Sdn. Bhd. telah mendengarkan taklimat mengenai Jenayah Perdagangan Orang (Trafficking in Persons) daripada Unit Siasatan Perdagangan Manusia daripada Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 November. - Dalam usaha mempertingkatkan kesedaran dan inisiatif membanteras jenayah perdagangan orang di Negara Brunei Darussalam (NBD), Unit

Siasatan Perdagangan Manusia (USPM) daripada Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah memberikan taklimat mengenai Jenayah Perdagangan Orang (Trafficking in Persons) kepada 75

petugas barisan hadapan yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan di Muara Port Company (MPC) Sdn. Bhd.

Objektif utama taklimat ini adalah untuk mendidik serta meningkatkan kesedaran peserta-peserta yang hadir tentang kaedah-kaedah dalam mengetahui

mangsa yang berpotensi terlibat dalam jenayah perdagangan manusia di negara ini.

Dengan ini, pihak penguatkuasa dan agensi barisan hadapan adalah disarankan untuk sentiasa berwaspada dan mengenal pasti identiti individu-individu yang mana berkemungkinan terjebak

dan dieksploitasi untuk menjadi mangsa perdagangan manusia.

Kerjasama pihak kakitangan MPC adalah diperlukan untuk memainkan peranan dalam sama-sama membantu PPDB dalam memerangi jenayah perdagangan manusia ini.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 November. - Satu Operasi Sepadu yang diketuai oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), melibatkan pegawai dan anggota daripada Daerah Polis Brunei dan Muara dengan kerjasama Bahagian

Penguatkuasa Undang-Undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), telah dilaksanakan pada kira-kira pukul 7.00 malam bertempat di sebuah kediaman di Kampung Bengkurong, baru-baru ini.

Sejurus maklumat diterima,

Penjualan minuman keras tumpas

serbuan dijalankan di tempat kejadian dan berjaya menemui beberapa barang tegahan, iaitu 345 tin beer serta 71 botol minuman keras pelbagai jenis yang dipercayai untuk dijual.

Turut dirampas oleh pihak JKED ialah sejumlah wang, beberapa jenis telefon bimbit, sebuah kenderaan dan kad bank yang dipercayai digunakan untuk perniagaan haram tersebut. Siasatan lanjut mendapati aktiviti penjualan minuman keras itu dijalankan oleh suspek yang merupakan seorang wanita, warganegara Malaysia berumur 50 tahun.

Manakala, seorang lelaki warga tempatan juga ditahan kerana bersubahat dalam khidmat penghantaran minuman keras yang dibeli. Kedua-dua suspek ditahan dan barang rampasan dibawa oleh pihak JKED bagi siasatan dan tindakan lanjut.

PPDB ingin memperingatkan orang ramai bahawa sesiapa yang didapati membeli, menjual, menghantar atau berurusan dengan barangan yang ditekah di negara ini adalah menjadi satu kesalahan dan boleh dihukum mengikut undang-undang yang

sedia ada.

Orang ramai adalah diseru, jika mempunyai sebarang maklumat mengenai kegiatan jenayah di negara, sila salurkan ke mana-mana balai polis berdekatan atau menghubungi Talian Kecemasan Polis 993.



SEBANYAK 345 tin beer serta 71 botol minuman keras pelbagai jenis telah ditemui ketika serbuan dilaksanakan di sebuah kediaman di Kampung Bengkurong (atas dan atas kiri).



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Iklan Tarikh Lanjutan

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
B01 & M02 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
4 November 2025

Tarikh Tutup:
Selasa,
11 November 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 044 / 2025

Nama Projek:
Penggantian Bahan Lantai,
Overhead Crane Dan
Pembersihan Cermin Di Loji
Rawatan Air Mengkubau Dan
Empangan Air Mengkubau,
Jabatan Perkhidmatan Air

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**Dibukakan Kepada
'Architect Consultancy' yang
berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan**

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
18 November 2025

Tarikh Tutup:
Selasa,
25 Disember 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 17 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For
Architect Consultancy Services
For Consortium Under Architect
Consultant For Penaiktarafan
Hospital Suri Seri Begawan,
Kuala Belait
a. Pembinaan Bangunan Blok
Baharu Pembedahan
b. Pembinaan Rehabilitasi
Dewasa & Kanak-Kanak

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada
Konsultan-Konsultan C & S
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan**

Kelas:
-

Kategori:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DDS / 57 / 2025

Nama Projek:
Request For Quotation (RFQ) Bagi
Perkhidmatan Perunding Awam &
Struktur Bagi Mitigasi Banjir Sungai
Kedayan Fasa 6, Kg Pengkalan
Gadong – Kajian Kemungkinan

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 11 November 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 9 Disember 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 11 November 2025
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 18 November 2025
Jam 3.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 26 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih Dan Menurap Semula
Jalan Utama – Jalan Kebangsaan
Fasa 2

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 27 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih Dan Menurap Semula
Lebuh Raya Pengiran Muda
Al-Muhtadee Billah (Hala Telanai)

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 28 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih Dan Menurap Semula
Jalan Utama – Jalan Utama Berakas
Fasa 2

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



**KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

**Pemberitahuan Sebut Harga
Kementerian Kewangan
dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Sebut Harga:
KKW / BPSM / 11 Q.8 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Pengendalian Latihan Dalam
(In-House) Bagi Kursus "Getting
Things Done"

Bilangan Sebut Harga:
KKW / BPSM / 11 Q.9 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Pengendalian Latihan Dalam
(In-House) Bagi Kursus
"Emotional Intelligence (EQ)"

Bilangan Sebut Harga:
KKW / BPSM / 11 Q.10 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Pengendalian Latihan Dalam
(In-House) Bagi Kursus
"Intensive Communication Skills"

Bilangan Sebut Harga:
KKW / BPSM / 11 Q.11 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Pengendalian Latihan Dalam
(In-House) Bagi Kursus
"Emerging Leaders"

Tarikh Tutup:
Isnin, 17 November 2025



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2025 / SH – 18

The Supply, Delivery, Installation
And Configuration Of Network
Attached Storage (NAS) Server At
The Weather Forecast Centre,
Brunei Darussalam Meteorological
Department

Tarikh Tutup:
Rabu,
19 November 2025

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut harga
Jabatan Kajicuaca Brunei
Darussalam
Tingkat 1/Aras Permukaan,
Blok B23
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas BB3713
Negara Brunei Darussalam



Bilangan Sebut Harga:
JKBD / 2025 / SH-01

The Supply, Fabricate, Deliver
And Install Of Double-Sided
External Block Pylon Signage To
The Brunei Darussalam
Meteorological Department

Hari / Tarikh / Waktu Tutup:
Rabu,
12 November 2025
Sebelum jam 9.00 Pagi

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca Brunei
Darussalam
Tingkat 1, Blok B23,
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas, BB3713
Negara Brunei Darussalam



**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Rujukan Tawaran :
03 / STOR / 2025 – 2026

Sebut Harga Bagi Membekal dan
Menghantar Cartridge dan Toner
Printer Di Kementerian
Pengangkutan dan Infokomunikasi,
Jalan Menteri Besar, Negara Brunei
Darussalam Bagi Tempoh
Sembilan (09) Bulan.

Tarikh Tutup:
Rabu, 12 November 2025



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Jabatan Hal Ehwal Syari'ah
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
34 / JS / A / 14 / 2024 PT.2
Tawaran Sebut Harga Pembelian
Kenderaan 12 - 15 Seater, Bagi
Jabatan Hal Ehwal Syari'ah,
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Tarikh Tutup:
Selasa,
18 November 2025M,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 126 / 25 - 26

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 12 November 2025
Jam 2.00 Petang





**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 097 / 2025

Tajuk:
Independent Technical Audit Of DES
11KV Switchgear Panels

Tarikh Tutup:
Selasa,
25 November 2025
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1, Bangunan
Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
BAPEQS – Profesional Electrical
Practitioner, Kementerian
Pembangunan in partnering with
International / Regional Technical
Auditing Companies

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang lanjut
bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit
Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Perhatian:

Sila sertakan salinan "Business
Names Enactment, 1958 - Section 16
& 17", Sijil Pendaftaran Pemborong
(MOD), Sijil Tabung Amanah Pekerja,
"TAP Employer Contribution" dan
'Certificate of Tax Compliance'
semasa menghantar dokumen ini ke
Jabatan Perkhidmatan Elektrik



**Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 068 / 2025

Tajuk:
Selective Wayleave Clearing Of
11KV Rated Slimpoles Overhead
Line For Bukit Sawat - Merangking
Segment, Mukim Bukit Sawat For A
Period Of 3 Years

Tarikh Tutup:
25 November 2025
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Harga Dokumen:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian Pembangunan
dalam KELAS 2, 3 ATAU 4, dalam
Kategori E02 dan mempunyai
pekerja yang berdaftar dengan JPE
dalam kategori E02.

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang lanjut
bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit
Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Perhatian:

Sila sertakan salinan "BUSINESS
NAMES ENACTMENT, 1958 -
SECTION 16 & 17", Sijil Pendaftaran
Pemborong (MOD), Sijil Tabung
Amanah Pekerja, "Tap Employer
Contribution" dan 'Certificate of Tax
Compliance' semasa menghantar
dokumen ini ke Jabatan
Perkhidmatan Elektrik



Bilangan Sebut Harga:
JPE / LTK / BPP / 094 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Maintenance Of Street Lights In Belait
District For A Period Three (3) Years

Tarikh Tutup:
Selasa, 25 November 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Dokumen:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri, Lobi
Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Pemborong yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
mempunyai kategori E01 dan E02
dalam Kelas 3, 4 atau 5 sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan - penerangan yang lanjut
bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit
Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat
Empat (4), Jabatan Perkhidmatan
Elektrik, Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam



Bilangan Tawaran:
DCA / CCS / 2025 / T4

Nama Tawaran:
To Develop and Operate
International Franchise Food &
Beverage Outlet At Brunei
International Airport

Tarikh Tutup:
2 Disember 2025, Selasa
Jam 2.00 petang

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
Mulai 3 November 2025 hingga 2
Disember 2025



**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran Jabatan
Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / TRA / 105 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery, Installation
And Commissioning Of 20 / 25
MVA 66 / 11KV Power
Transformers At Telisai And
Sungai Liang Substations

Tarikh Tutup:
11 November 2025
(Selasa, 2.00 Petang)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelayakan:
Syarikat Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Dalam Kelas 4,
5 Atau 6 dan Mempunyai
Kategori E03



Tajuk Sebut Harga (01)
IPA / PENT / SVC / 512
Perkhidmatan Penaiktarafan dan
Pengubahsuaian Makmal
Komputer

Tajuk Sebut Harga (02)
IPA / PENT / SVC / 512
Perkhidmatan Pengawasan
Keselamatan Bagi Tempoh Satu
(01) Tahun

Tajuk Sebut Harga (03)
IPA / PENT / MIS / 397
Perkhidmatan Pembekalan 30
Unit Komputer Riba
(Laptop)

Tarikh Tutup Bagi Sebut Harga :
Selasa,
18 November 2025
Jam 9.00 Pagi

Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Secara Terbuka
Bagi Pengendalian
Kursus Modular
Bagi Tahun Kewangan
2025 / 2026**

**DA / JKSH / 115 / 2025 / 2026
[HRD-NOV-2025]**
Sebut Harga Pengendalian
Kursus Modular Tahun Kewangan
2025 / 2026 Bagi:
Microsoft Excel Course
For Beginners

Jumlah Hari Kursus:
Dua (2) Hari

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
22 November 2025
(Jam 9.00 Pagi)



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 76 /
BPPK / 18

Tajuk Sebut Harga :
Supply and Delivery
Customized Uniforms
For Bahagian Perbandaran
dan Kebersihan,
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
13 November 2025
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**
Seksyen Perkhidmatan
Kenderaan dan Pengutipan
Sampah,
Bahagian Perkhidmatan
Perbandaran dan Kebersihan
Depot Jabatan Bandaran,
Kampung Belimbing Subok,
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan



**MAKLUMAN
TATACARA PENYAMPAIAN DAN
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN**

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1,
Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja
iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan
melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn





KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Bilangan Tawaran:
MFA / SEC / 009 / 2025

Tajuk Iklan Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Training, Commissioning And Maintenance Of Internet Protocol Closed Circuit Television Surveillance System At Ministry Of Foreign Affairs

Yuran Iklan Tawaran:
BND35.00

Tarikh Akhir Membeli Dokumen Tawaran:
Khamis, 13 November 2025
sebelum jam 10.00 Pagi

Tarikh Tutup:
Selasa, 25 November 2025
Sebelum Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
MFA / PENT / 02 / 2025

Tawaran:
Membekal dan Menghantar (1) Satu Unit Kenderaan Baru SUV With Two-Wheel Drive (2WD) Untuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Tarikh Tutup:
Selasa, 11 November 2025



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran dan Tajuk Projek:
KHEDN / LTK / 2025-08
Kontrak Penggal (2 Tahun)
Pembaikan Dewan-Dewan Di Bawah Kawalan Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan Bandaran

Bilangan Projek:
KHEDN / UPE / 2106 / 07

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada:
Isnin, 17 November 2025

Tarikh Tutup:
Selasa, 18 November 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut ;

Jawatan:
Kerani
Tangga Gaji:



Bilangan Sebut Harga:
07 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Relocation And Moving Services, Ministry Of Foreign Affairs

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 19 November 2025
Jam 2.00 Petang



JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Sebut Harga / Tawaran Bagi Perbekalan
Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan

Bilangan:
11 / 2025 – 2026 (Re-tender)

Tawaran Kerja-Kerja Pembersihan (Janitorial Services) Di Bangunan Jabatan Tanah, Jabatan Ukur dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh 12 Bulan

Tarikh Tutup:
11 November 2025, Selasa
Jam 2.00 Petang



D.1-2-3 EB.4-5
(BND530 - BND1,625)

Kekosongan:
5 Jawatan

Tarikh Tutup:
Tidak lewat 15 November 2025



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / JKSH / BTI / 05 / 2025 - 2026

Tajuk Sebut Harga:
Website Training For Ministry Of Primary Resources And Tourism

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 20 November 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0042 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Pembekalan dan Penghantaran Kad PVC dan Ink Ribbon Untuk Divisyen Pelesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Perikanan

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 12 / 2025 – 2026

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract Of 12 Months On Maintenance Work Including To Inspect, Supply And install Vehicle Parts For Minstry Of Primary Resources And Tourism.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 27 November 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



Tarikh Tutup :
Khamis, 13 November 2025



سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI / BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PERATURAN-PERATURAN IKLAN JAWATAN
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

Bab 7(A)

Peraturan 7(A): Dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa SPA dan Luar Negeri



Bab 38(B)

Peraturan 38(B): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



Bab 38(A)

Peraturan 38(A): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA




**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005**

**Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah
Syariah
Di Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam**

**Saman No. :
BM / MRS / MAL-A / P012A / 0587
/ 08-2025**

**Kes Induk :
BM / MRS / MAL-B / S010A / 0460
/ 06-2025**

Antara

**Hajah Rosidah binti Haji Abas
- Plaintiff / Pemohon**

Dan

**Zulhilmi bin Haji Awang Jali
- Defendan / Responden**

Kepada : Zulhilmi bin Haji Awang
Jali - No. Kad Pintar : 00-267587,
Beralamat (Alamat Terakhir) :
No. 18A, Simpang 644,
Kampung Salambigar,

Negara Brunei Darussalam

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara pada **Rabu, 5 Jamadilakhir 1447H bersamaan / 26 November 2025M pada jam 9.00 Pagi** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintiff yang dinamakan di atas, bagi **Tuntutan Cerai Fasakh**.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada Plaintiff suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh:

15 Rabiulakhir 1447H /
7 Oktober 2025M

Meterai

**Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam**


KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 327 / 2025 / ESTETMOH

Keterangan:
Proposed New Public Toilet At
Outpatient Area, RIPAS Hospital,
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 328 / 2025 / JPKAS (TC)

Keterangan:
Cleaning And Grass Cutting
Services For Tutong Health Office,
Pekan Tutong Health Centre And
Vector Control Unit For A Period
Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 330 / 2025 / JPR(TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medical Consumable Items
(Peritoneal Dialysis) For
Department Of Renal Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 331 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Dental
Consumable Items For
Department Of Dental Services,
Ministry Of Health For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 332 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Dental
Consumable Items For
Department Of Dental Services,
Ministry Of Health For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Tarikh Tutup:
18 November 2025
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / CAU /
TUDB / TA / 001
Pembelian Alat-Alat Ganti Ground
Handling Wheel Bagi Tentera Udara
Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
satu minggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu
Selasa, 11 November 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
18 November 2025
2.00 petang



سورھنجاي ڦرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**KESALAHAN-KESALAHAN
DI BAWAH**
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)
BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan maklumat yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan maklumat atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN**


**PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI
KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN
KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)**

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

**DIKENAKAN TINDAKAN
TATATERTIB DAN BOLEH
DITAMATKAN PERKHIDMATAN
DENGAN SERTA-MERTA.**


**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

PERKONGSIAN KESEDARAN, TINDAKAN PELAJAR DALAM KELESTARIAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 November. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui Pejabat Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi dan Kelestarian), hari ini menganjurkan Sesi Climate Fresk, yang merupakan salah satu inisiatif bagi menyokong matlamat UBD untuk mengongsikan pengetahuan kelestarian dan memperkasa pelajar supaya menjadi agen perubahan aktif dalam komuniti.

BENGKEL berkenaan mengongsikan pengetahuan kelestarian dan memperkasa pelajar supaya menjadi agen perubahan aktif dalam komuniti.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

perubahan aktif dalam komuniti. Bengkel kolaboratif selama tiga jam ini diadakan bagi memperkasa para pelajar universiti di bawah The UBD Sustainability Youth Ambassador Programme (SYAP), dengan meningkatkan pemahaman mereka mengenai perubahan iklim dan mendorong pelajar untuk mengambil tindakan. Bengkel interaktif tersebut difasilitasi oleh 'My Actions for SDGs', dan melibatkan aktiviti seperti permainan kad praktikal menggunakan 42 kad berdasarkan laporan Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC), di

mana para peserta mengenal pasti punca dan kesan perubahan iklim serta memetakan sistem-sistem saling berkait secara kolektif.

Sesi yang membantu memupuk kesedaran, kerjasama dan refleksi pelajar ini selaras dengan Pelan Induk Kelestarian UBD serta misinya untuk melahirkan juara kelestarian melalui pendidikan transformasi. UBD terus memperkukuh usaha dalam membina komuniti belia yang berpengetahuan dan aktif serta berupaya menyumbang kepada kelestarian di dalam dan luar kampus.

Akibat menjalankan kegiatan agensi pekerjaan tanpa lesen

Siaran Akhbar : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 November. - Seorang perempuan warganegara Republik Filipina dan seorang pemilik agensi pekerjaan yang berlesen, mengaku bersalah di Mahkamah Majistret masing-masing pada 21 Oktober 2025 dan 5 November 2025 atas pertuduhan di bawah Perintah Agensi Pekerjaan 2004 kerana menjalankan kegiatan agensi pekerjaan tanpa lesen dan

meminjamkan lesen agensi pekerjaan kepada individu tanpa lesen.

Imelda Taoc Riva, warganegara Republik Filipina berumur 56 tahun telah mengaku menjalankan kegiatan agensi pekerjaan sekitar Februari 2024 tanpa lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Buruh.

Siasatan dari Bahagian Agensi Pekerjaan di Jabatan Buruh

mendedahkan bahawa Imelda Taoc Riva telah membuat urusan mendatangkan pekerja asing dan mengenakan bayaran sebanyak BND350, serta mengeluarkan resit menggunakan nama syarikatnya sekitar Februari 2024.

Di bawah Bab 6(1), Perintah Agensi Pekerjaan, 2004, tiada seorang pun boleh menjalankan agensi pekerjaan melainkan dia adalah pemegang suatu lesen yang diberikan oleh Pesuruhjaya.

Dalam kes berkenaan, Imelda Taoc Riva, telah didakwa oleh Timbalan Pendakwa Raya, Awang Ahmad Firdaus bin Mohammad dengan satu tuduhan di bawah Bab 6(1), Perintah Agensi Pekerjaan 2004 di depan Majistret Abdul 'Azim bin Othman.

Tertuduh didapati bersalah dan mengakui kesalahan yang telah dilakukan pada suatu ketika sekitar Februari 2024.

Bagi pertuduhan berkenaan, pada Selasa, 21 Oktober 2025, Imelda Taoc Riva telah dijatuhkan hukuman denda di bawah Bab 6(2), Perintah Agensi Pekerjaan 2004 sebanyak BND1,000 dan jika gagal membayar denda, hukuman penjara selama satu bulan bagi kesalahan yang dilakukan. Tarikh akhir membayar denda adalah pada hari yang sama.

Sementara itu, Chua Ing Siah, pemilik kepada agensi pekerjaan yang berlesen, iaitu TTSG Employment Agency, seorang perempuan warganegara tempatan berumur 43 tahun, mengaku bersalah kerana meminjamkan lesen agensi pekerjaannya kepada Imelda Taoc Riva sekitar Mac 2024, yang membolehkannya menjalankan kegiatan bagi pengambilan pekerja asing secara haram.

Siasatan dari Bahagian Agensi Pekerjaan di Jabatan Buruh mendapati pemilik TTSG Employment Agency membenarkan Imelda Taoc Riva merekrut dan mengemukakan permohonan pekerja dengan bayaran BND400 bagi setiap kes yang diluluskan pada sekitar Mac 2024, walaupun mengetahui bahawa Imelda Taoc Riva tidak berlesen.

Walaupun Imelda Taoc Riva tidak menyerahkan dokumen secara langsung kepada agensi kerajaan, beliau aktif dalam proses pengambilan pekerja dengan pengetahuan dan persetujuan penuh dari TTSG Employment Agency.

Penerimaan pelanggan dan bayaran oleh TTSG Employment Agency daripada Imelda Taoc Riva dianggap sebagai memudahkan aktiviti agensi pekerjaan tanpa lesen.

Di bawah Bab 31(f), perintah yang sama, telah memperuntukkan larangan bagi pemegang lesen agensi daripada meminjamkan, memindah milik

atau menyerahkan atau cuba meminjamkan, memindah milik atau menyerahkan lesen agensi mereka kepada orang lain.

Dalam kes berkenaan, pemilik TTSG Employment Agency didapati bersalah dan mengakui kesalahan yang telah dilakukan dengan satu tuduhan di bawah Bab 31(f) dalam perintah yang sama. Sesi pendakwaan pula telah dibuat oleh Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Hanan bin Haji Erwan di hadapan Majistret Abdul 'Azim bin Othman.

Bagi pertuduhan berkenaan, pemilik TTSG Employment Agency juga dijatuhkan hukuman denda di bawah Bab 31, Perintah Agensi Pekerjaan 2004 sebanyak BND2,000 pada Rabu, 5 November 2025.

Jika gagal membayar denda, hukuman penjara selama dua bulan bagi kesalahan yang dilakukan. Tarikh akhir membayar denda adalah pada hari yang sama.

Jabatan Buruh ingin mengingatkan orang ramai untuk tidak menjalankan sebarang kegiatan agensi pekerjaan khasnya bagi tujuan proses pengambilan, membekalkan dan mendatangkan pekerja-pekerja asing ke Negara Brunei Darussalam untuk tujuan pekerjaan tanpa lesen daripada Pesuruhjaya Buruh.

Seterusnya, Jabatan Buruh juga ingin mengingatkan agensi pekerjaan yang berlesen untuk tidak meminjamkan lesen agensi kepada orang lain dan hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang di bawah Perintah Agensi Pekerjaan 2004.

Jabatan Buruh memohon kerjasama orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan sebarang pelanggaran Perintah Agensi Pekerjaan, 2004, khususnya bagi kesalahan menjalankan kegiatan agensi pekerjaan tanpa lesen daripada Pesuruhjaya Buruh dengan menghubungi Hotline Bahagian Agensi Pekerjaan di talian +673 8753594 atau menge-mel kepada agensi.pekerjaan@buruh.gov.bn.

Orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Buruh, di alamat <http://www.labour.gov.bn/Theme/Home.aspx>, untuk maklumat terkini bagi senarai agensi pekerjaan yang berlesen di Jabatan Buruh.



Dijatuhi hukuman atas kesalahan pemerdagangan orang

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 November. - Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman, Muhammed Faisal bin PDJLD DSP Haji Kefli telah menjatuhkan hukuman penjara terhadap seorang warganegara Bangladesh, Mahedi Hasan, 44 tahun, selama lima tahun dan denda sebanyak BND50,000 atau penjara selama 50 bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut serta enam kali sebatan. Defendan mengaku bersalah atas tiga pertuduhan kesalahan pemerdagangan orang.

Dua pertuduhan telah dikemukakan di bawah Bab 4 Perintah Pemerdagangan dan Penyeludupan Orang, 2004 bagi kesalahan yang dilakukan pada tahun 2018, sementara pertuduhan ketiga dikemukakan di

bawah Bab 5(1) Akta Anti-pemerdagangan Orang, Penggal 230 bagi kesalahan yang dilakukan pada tahun 2019.

Hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan - kesalahan tersebut termasuklah hukuman penjara bagi tempoh tidak kurang daripada empat tahun tetapi tidak melebihi 30 tahun, denda tidak melebihi BND1,000,000 serta sebatan.

Dalam menjatuhkan hukuman, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman menegaskan bahawa tingkah laku Defendan menunjukkan unsur pemberatan yang serius; di mana mangsa-mangsa telah direkrut secara sengaja melalui penipuan dan diperdaya dengan janji palsu mengenai peluang pekerjaan yang stabil dan bergaji lumayan di Negara Brunei Darussalam

(NBD).

Defendan telah melaksanakan kawalan bersifat eksploitatif terhadap mangsa-mangsa tersebut dengan merampas pasport mereka serta menuntut bayaran bulanan atas alasan palsu kononnya sebagai keperluan undang-undang dan bagi tujuan penghantaran pulang. Defendan juga telah menempatkan mereka di pelbagai tempat kerja, sering kali dengan bayaran yang amat sedikit atau tanpa gaji sama sekali.

Mahkamah selanjutnya menegaskan bahawa kesalahan-kesalahan tersebut bukanlah kejadian terpencil tetapi merupakan sebahagian daripada corak perlakuan jenayah yang berulang dalam tempoh masa yang panjang, menunjukkan suatu rancangan yang dirancang dengan teliti dan bukannya kealpaan sementara.

Corak tersebut melibatkan ramai mangsa yang telah meletakkan kepercayaan mereka kepada Defendan, setelah meninggalkan keluarga masing-masing dan menanggung hutang dengan harapan untuk memperbaiki masa depan mereka. Tindakan defendan itu juga menjejaskan integriti sistem buruh dan imigresen NBD.

Memandangkan terdapat unsur penipuan dan eksploitasi yang terlibat, Yang Arif telah memutuskan bahawa hukuman penjara yang berat serta hukuman pencegahan yang tegas adalah wajar.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Siti Mu'izzah binti Haji Sabli dan Timbalan Pendakwa Raya, Syazwani binti Jumat. Manakala defendan diwakili oleh peguam-peguam daripada Tetuan Daud Ismail Company.



Keahlian MMN dalam IPU memperkukuh diplomasi antara-parlimen NBD

Rencana dan Foto : Jabatan Majlis Mesyuarat Negara dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

KEAHLIAN rasmi Majlis Mesyuarat Negara (MMN) sebagai Ahli Ke-183 Inter-Parliamentary Union (IPU) yang diumumkan semasa Mesyuarat Perhimpunan IPU Ke-151 di Geneva, Switzerland baru-baru ini menandakan satu perkembangan penting dalam usaha memperkukuh diplomasi antara-parlimen Negara Brunei Darussalam (NBD). Langkah ini memperluas peranan MMN dalam arena antarabangsa dan membolehkan penyertaan secara langsung dalam perbincangan antara parlimen mengenai isu-isu global yang berkaitan dengan keamanan, pembangunan dan kemanusiaan.

IPU merupakan pertubuhan parlimen antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1889 dengan objektif memupuk keamanan, memajukan dialog, dan memperkukuh peranan institusi legislatif di seluruh dunia. Sebagai rakan strategik kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations - PBB), IPU berperanan sebagai landasan

bagi menyampaikan pandangan parlimen terhadap dasar-dasar antarabangsa serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals).

IPU berfungsi sebagai pengantara antara rakyat dan sistem antarabangsa, yang memberi ruang kepada ahli parlimen untuk membincangkan cabaran global seperti perubahan iklim, hak asasi manusia, konflik kemanusiaan, serta keadilan sosial dan ekonomi. Melalui pelbagai jawatankuasa dan forumnya, IPU juga mempromosikan penyertaan belia dan wanita dalam politik serta memperkukuh keupayaan parlimen dalam tadbir urus yang telus dan berkesan.

Penyertaan MMN dalam IPU adalah selaras dengan dasar luar NBD yang memberikan penekanan kepada kerjasama antarabangsa dengan prinsip saling menghormati, keamanan dan kemakmuran bersama. Keahlian ini memberi peluang kepada MMN untuk menyumbang kepada dialog antara parlimen dan memperkukuh

hubungan dengan parlimen negara-negara lain berkenaan isu-isu serantau dan global.

Dari segi institusi, penyertaan ini memperkukuh kapasiti MMN dalam bidang diplomasi parlimen melalui pendedahan kepada amalan terbaik antarabangsa serta pendekatan perundangan yang menyokong pembangunan mampan dan tadbir urus yang baik. Ia juga menyediakan ruang bagi MMN untuk berkongsi pandangan dan nilai-nilai nasional berasaskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), khususnya dalam mempromosikan persefahaman dan dialog sebagai asas kepada keamanan sejagat.

Sebagai ahli baharu, MMN akan dapat melibatkan diri dalam jawatankuasa-jawatankuasa tetap IPU yang merangkumi pelbagai bidang seperti pembangunan mampan, hak asasi manusia, serta hal ehwal PBB. Penyertaan aktif dalam landasan ini akan membolehkan MMN menyampaikan pandangan berdasarkan pengalaman kebangsaan, khususnya dalam isu-isu yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat, pembangunan sosioekonomi dan keutuhan institusi.

Selain itu, MMN akan dapat memperkukuh kerjasama dalam hubungan antara-parlimen melalui penyertaan dalam aktiviti IPU dan membolehkan penglibatan lebih meluas Ahli-ahli MMN dalam dialog antara-parlimen. Usaha ini termasuk peluang untuk memperkukuh latihan dan pembangunan kapasiti dalam bidang hubungan antarabangsa dan komunikasi strategik, bagi memastikan sumbangan yang lebih relevan dan berimpak positif.

Penyertaan MMN dalam IPU menandakan komitmen berterusan NBD untuk memainkan peranan dalam usaha global dalam keamanan, kerjasama dan pembangunan. Ia juga memperkukuh peranan MMN sebagai institusi legislatif yang aktif dalam mempromosikan dialog, persefahaman dan tadbir urus yang baik di peringkat antarabangsa. Seiring dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, keahlian ini diharap dapat memperkukuh peranan parlimen dalam menyumbang kepada kemajuan negara serta memperluas kerjasama yang memberi manfaat kepada rakyat dan masyarakat sejagat.





Institusi swasta membuka ruang pembelajaran

Oleh : Nurin Nabihah @ NurHikmatol Nabihah binti Abu Bakar, Penempatan Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam di Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

PENDIDIKAN merupakan asas utama dalam membentuk masa depan sesebuah negara. Usaha kerajaan untuk memperkukuh sistem pendidikan terus giat dilaksanakan bagi melahirkan generasi yang berilmu, berkemahiran serta berakhlak mulia. Dalam merealisasikan hasrat tersebut, sektor pendidikan swasta turut memainkan peranan penting sebagai pelengkap kepada sistem pendidikan kerajaan. Kehadiran institusi pendidikan swasta bukan sahaja menambah nilai dalam pembangunan pendidikan negara, malah turut membuka lebih banyak peluang pembelajaran kepada masyarakat, khususnya kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat lebih tinggi.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), beberapa institusi pendidikan telah ditubuhkan sebagai inisiatif kerajaan dalam usaha membangunkan masyarakat yang berpendidikan tinggi dan berjaya, selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035. Antara institusi tersebut ialah :

Kolej Perdagangan Laksamana (LCB)

LCB ditubuhkan pada tahun 2003 melalui kerjasama dengan Kensington College of Business (KCB) di London, United Kingdom, serta Abdul Razak Holdings, Brunei Darussalam. Di LCB, para pelajar berpeluang mengikuti pelbagai kursus dalam bidang perniagaan dan bidang yang berkaitan dengannya. Antara program yang paling mendapat sambutan ialah Academic Pathway yang telah diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam. Tujuan penubuhannya adalah menyediakan generasi muda Brunei dengan pendedahan dalam dunia perniagaan dan kemahiran yang relevan dengan keperluan negara yang semakin memerlukan diversifikasi ekonomi.

Visi LCB adalah untuk memberikan peluang pendidikan dan sokongan pembelajaran yang terbaik kepada para pelajar daripada pelbagai latar belakang

dan budaya. Hasrat ini didasari oleh keyakinan bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengetahuan dan pemahaman kita terhadap dunia, memupuk pembangunan diri dan kematangan peribadi, menggalakkan hubungan antara individu serta hubungan antarabangsa dan meningkatkan produktiviti dan seterusnya pertumbuhan ekonomi, sekali gus memperkaya masyarakat secara umum dan kehidupan individu secara khusus.

Misi LCB ialah menyediakan peluang pendidikan tinggi yang cemerlang dengan menumpukan pelajar sebagai teras utama pembelajaran. LCB menawarkan persekitaran mesra dan berbilang budaya, disokong tenaga pengajar berpengalaman serta profesional. Kolej ini juga menyokong perkembangan intelektual dan kemahiran pelajar selaras dengan Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat berpendidikan tinggi dan berkemahiran unggul.

Institusi KEMUDA

Institusi KEMUDA, dahulunya dikenali sebagai KEMUDA Resource Agency, ditubuhkan pada tahun 1990 untuk pembangunan kemahiran dan penempatan kerja bagi pelajar dari Australia dan United Kingdom. Pada 2004, ia bertukar nama kepada Institusi KEMUDA. Selaras dengan keperluan negara, mengiktiraf kepentingan tenaga kerja mahir dan percaya akan keperluan untuk membangunkan serta melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi dan cekap. Institut ini menawarkan pendidikan berkualiti tinggi yang relevan dengan industri kepada pelajar serta belia negara secara amnya. Pihak pengurusan sering memastikan kualiti pendidikan yang diberikan berada pada standard cemerlang. Institut ini menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat, efisien, dan kondusif. Beberapa garis panduan telah digariskan bagi memastikan matlamat ini tercapai.

Misi Institusi KEMUDA adalah untuk melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing, serta menyediakan peluang pembelajaran seumur hidup, sambil merapatkan jurang antara akademik dan industri.

Visi pula adalah untuk menjadi institusi pilihan dan peneraju dalam menyediakan penyelesaian pembelajaran berkualiti tinggi bagi pembangunan modal insan.

Cosmopolitan College of Commerce & Technology (COSMO)

COSMO ditubuhkan sekitar tahun 2004 sebagai institusi vokasional swasta di Brunei dan menawarkan kursus dalam perniagaan, teknologi maklumat dan kemahiran industri. Kolej ini membangunkan generasi muda Brunei sebagai Pemimpin Perniagaan, Pakar Teknologi dan Usahawan masa depan. Program COSMO disesuaikan untuk membekalkan pelajar dengan kemahiran lembut (*soft skills*) dan teknikal bagi memastikan kejayaan peribadi dan profesional. COSMO menekankan latihan bagi mengukuhkan kemahiran komunikasi dan kerjasama, membina daya tahan serta fleksibiliti, dan mempersiapkan pelajar menghadapi dunia korporat yang tangkas dan inovatif. Dengan fokus menghasilkan graduan 'sedia bekerja' (*job-ready*), COSMO memastikan pelajar bukan sahaja mahir secara teknikal, tetapi juga mampu menyesuaikan diri dan berjaya dalam persekitaran profesional.

Visi COSMO ialah untuk menjadi peneraju dalam melahirkan profesional yang kompetitif di peringkat global.

Misi COSMO adalah untuk menghasilkan profesional yang kompetitif melalui kaedah pembelajaran inovatif, kemahiran yang dipetakan industri dan pembelajaran berdasarkan amali (*learning by doing*).

Kolej International Graduate Studies (IGS)

Kolej IGS Brunei Darussalam ditubuhkan pada tahun 2002 bagi

menampung keperluan yang semakin meningkat terhadap pendidikan dan latihan vokasional, terutamanya dalam bidang perniagaan serta teknologi maklumat. Penubuhan kolej ini berpunca daripada kesedaran bahawa ramai pelajar Brunei tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam kerana kekurangan tempat, manakala belajar di luar negara pula kurang berkemampuan akibat kos yang tinggi. Bagi merealisasikan hasrat golongan muda Brunei untuk memperoleh kelayakan akademik yang lebih tinggi, Kolej IGS menumpukan usaha kepada penyediaan laluan pendidikan bagi lepasan 'O' Level melalui program diploma dan seterusnya ke peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang Teknologi Maklumat dan Pengajian Perniagaan.

Visi Kolej IGS ialah menjadi institusi pendidikan swasta terunggul yang berupaya menganugerahkan kelayakan sendiri serta menawarkan pelbagai program berkualiti tinggi bagi memperkasa potensi individu melalui penerapan prinsip pembelajaran sepanjang hayat, seiring dengan kemajuan dan perubahan global.

Misi pula untuk memberikan pendidikan dan latihan yang bermutu, mudah diakses serta mampu dimiliki oleh masyarakat Brunei, demi memenuhi cita-cita individu dan aspirasi pembangunan negara.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pendidikan swasta telah menjadi salah satu komponen penting dalam pendidikan negara. Selain daripada membuka peluang pembelajaran yang lebih luas, ia memperkenalkan inovasi dalam pengajaran dan menyediakan ruang kepada pembangunan kemahiran yang relevan dengan persekitaran pekerjaan pada masa ini. Dengan sokongan dan pemantauan yang berterusan daripada pihak kerajaan, sektor pendidikan swasta berpotensi besar untuk terus berkembang dan menyumbang kepada matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi, berkualiti dan berjaya.



SEKURANG-KURANGNYA 12 MAUT DALAM NAHAS PESAWAT KARGO UPS DI KENTUCKY

WASHINGTON, 6 Nov. - Sekurang-kurangnya 12 orang terbunuh selepas sebuah pesawat kargo terhempas pada Selasa sejurus selepas berlepas dari lapangan terbang antarabangsa di Louisville, Kentucky, menurut Datuk Bandar Craig Greenberg pada Rabu.

"Saya amat sedih untuk memaklumkan bahawa angka kematian telah meningkat kepada 12, dengan beberapa individu masih belum ditemukan," kata Greenberg di platform media sosial X, lapor Anadolu Ajansi.

Terdahulu, Gabenor Kentucky Andy Beshear berkata seorang kanak-kanak antara yang terkorban," dan kanak-kanak itu masih sangat muda, menjadikannya lebih sukar untuk diterima".

Penerbangan UPS 2976 itu terhempas kira-kira 5.15 petang waktu tempatan (2215GMT) selepas berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Muhammad Ali (SDF) menuju ke Honolulu, Hawaii.

Beshear memberitahu pemberita bahawa beliau telah mengisytiharkan darurat.

"Berita baharu hari ini, susulan

kejadian semalam, ialah pengisytiharan darurat bagi membantu kita menangani nahas pesawat ini. Ia membolehkan kita menggerakkan sumber dengan lebih cepat melalui pengurusan kecemasan dan Pengawal Kebangsaan Kentucky," katanya.

Selain itu, Beshear berkata beliau telah menubuhkan Tabung Bantuan Kecemasan Team Kentucky bagi membantu mereka yang terjejas akibat "nahas dahsyat ini".

Pihak berkuasa pada Selasa memaklumkan bahawa 11 orang telah dibawa ke hospital susulan insiden itu.

Lembaga Keselamatan Pengangkutan Kebangsaan (NTSB) mengetuai siasatan nahas tersebut.

Ahli NTSB Todd Inman memberitahu pemberita bahawa terdapat tiga individu di dalam pesawat berkenaan. Selepas mendapat kebenaran untuk berlepas, "kepuluan api besar" kelihatan di bahagian sayap kiri semasa pesawat mula berlepas.

Beliau berkata NTSB akan menganalisis fakta, menentukan punca kemalangan dan mengeluarkan laporan serta syor.

"Kami telah mengenal pasti perakam suara kokpit dan perakam data penerbangan, yang lazimnya dirujuk sebagai 'kotak hitam'," kata Inman.

Apabila ditanya tentang keadaan fizikal kotak hitam itu, Inman berkata beliau hanya melihat satu gambar.

"Anda boleh kenal pasti dengan jelas ia adalah kotak hitam, dua silinder di bahagian atas. Pakar kami berkata mereka dapat mengenal pasti dengan mudah. Namun, kami tidak akan tahu dengan pasti sehingga ia tiba di Washington, DC," katanya.

"Mujurlah, ia tidak berada dalam kebakaran selepas impak selama sehari-hari atau di dasar lautan. Walaupun api mungkin kuat, ia direka untuk menahan keadaan sebegitu. Setelah sampai ke DC, kami boleh membukanya," tambahnya.

Lapangan terbang itu dibuka semula untuk trafik udara awal Rabu, kata Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA), namun beberapa laluan teksi masih ditutup.

Pengarah Eksekutif Lapangan Terbang Antarabangsa Louisville



Muhammad Ali, Dan Mann, memberitahu pemberita bahawa lapangan terbang kini "beroperasi".

"Kami memang mengalami beberapa kelewatan. Semalam, 21 penerbangan dibatalkan... Hari ini pula, 16 penerbangan dibatalkan... Kami menjangka mungkin akan ada lebih banyak kelewatan dan beberapa pembatalan lagi sehingga satu lagi landasan dibuka. Namun, kami beroperasi," katanya.

Greenberg turut memberi amaran kepada orang awam supaya tidak menerbangkan dron berhampiran

lokasi nahas pesawat.

"Tolong jangan jadi individu yang mengganggu usaha pemulihan kami. Beri peluang kepada anggota penyelamat dan pasukan NTSB untuk menjalankan tugas mereka, dan jangan gunakan dron di ruang udara terhad itu buat masa ini," katanya pada sidang akhbar.

- ©BERNAMA

Jururawat Jerman dipenjara seumur hidup kerana bunuh 10 pesakit untuk kurangkan beban kerja

AACHEN (Jerman), 5 Nov. - Seorang jururawat di Republik Persekutuan Jerman dijatuhi hukuman penjara seumur hidup pada Rabu selepas didapati bersalah membunuh 10 pesakit tenat di wad paliatif bagi mengurangkan beban kerjanya semasa syif malam, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Mahkamah wilayah di Aachen menjatuhkan hukuman ke atas lelaki itu dan memutuskan bahawa disebabkan keseriusan jenayahnya, tertuduh tidak layak dipertimbangkan untuk parol selepas menjalani tempoh minimum 15 tahun penjara. Sehingga kini, jumlah sebenar pesakit yang dibunuh oleh jururawat berusia 44 tahun itu masih belum diketahui.

Menurut pihak pendakwaan, seramai 13 pesakit meninggal dunia selepas tertuduh memberikan ubat penenang, kadangkala digabungkan dengan ubat tahan sakit, ketika bertugas di sebuah klinik berhampiran Bandar Aachen antara Disember 2023 dan Mei 2024.

Pada mulanya, tertuduh didakwa atas sembilan pertuduhan membunuh dan 34 cubaan membunuh, namun menjelang akhir perbicaraan, mahkamah mendapati beliau turut membunuh mangsa ke-10 serta mensabitkannya atas 27 pertuduhan cubaan membunuh.

Pendakwa menuduh jururawat itu memberikan ubat penenang kepada pesakit bagi mengurangkan beban kerja ketika bertugas pada waktu malam. Namun, tertuduh menafikan dakwaan bahawa dia memberi ubat berkenaan dengan niat untuk menamatkan nyawa pesakit.

Peguam bela pula memohon supaya anak guam mereka dibebaskan daripada semua pertuduhan. Siasatan masih diteruskan terhadap beberapa kes disyaki melibatkan tahun sebelumnya, dan pihak pendakwaan di Aachen menjangkakan pertuduhan tambahan akan difailkan. - ©BERNAMA

Nahas pesawat di Louisville ragut 3 nyawa, 11 cedera - Gabenor Kentucky

MOSCOW, 5 Nov. - Sekurang-kurangnya tiga orang terbunuh manakala 11 lagi cedera dalam nahas pesawat kargo di Louisville, kata Gabenor Kentucky Andy Beshear.

Pada Selasa, sebuah pesawat kargo MD-11 milik syarikat penghantaran UPS terhempas sejurus selepas berlepas dari lapangan terbang Louisville, Kentucky.

Syarikat itu berkata terdapat tiga kru berada di dalam pesawat berkenaan.

"Kami percaya terdapat sekurang-kurangnya tiga kematian, dan angka itu mungkin meningkat.

"Kami juga mempunyai sekurang-kurangnya 11 mangsa cedera, sebahagiannya parah dan sedang dirawat di hospital tempatan," kata Beshear pada sidang media Selasa. - ©BERNAMA

Gempa bumi 6.0 skala Richter landa pantai timur Kamchatka dan Semenanjung Minahassa – GFZ

BEIJING, 5 Nov. - Dua gempa bumi berukuran 6.0 pada skala Richter masing-masing melanda pantai timur Kamchatka di Persekutuan Rusia dan Semenanjung Minahassa di Sulawesi pada Selasa, menurut Pusat Penyelidikan Geosains Jerman (GFZ), lapor Xinhua.

Gempa pertama berlaku pada 2328 GMT di kawasan pantai timur Kamchatka dengan pusat gempa berada pada kedalaman 10 kilometer, terletak pada 52.26 darjah utara dan 159.99 darjah timur.

Beberapa minit kemudian, pada 2332 GMT, gempa kedua menggempakan Semenanjung Minahassa, Sulawesi dengan kedalaman 113.3 kilometer, berpusat pada 0.11 darjah selatan dan 123.15 darjah timur.

Setakat ini, tiada laporan mengenai kerosakan besar atau amaran tsunami dikeluarkan susulan kedua-dua gempa itu. - ©BERNAMA

AS akan kurangkan kapasiti lapangan terbang sebanyak 10 peratus di 40 lokasi

WASHINGTON, 6 Nov. - Jumlah penerbangan akan dikurangkan sebanyak 10 peratus di 40 lapangan terbang di seluruh Amerika Syarikat bermula Jumaat ini berikutan penutupan kerajaan yang berterusan, kata Setiausaha Pengangkutan Sean Duffy pada Rabu.

"Terdapat pengurangan kapasiti sebanyak 10 peratus di 40 lokasi kami," kata Duffy pada

sidang media di Louisville, Kentucky, lapor Anadolu Ajansi.

"Pengurangan ini tidak berdasarkan kepada jumlah penerbangan syarikat penerbangan di sesuatu lokasi tetapi mengenai tekanan operasi berlaku dan bagaimana kita dapat mengurangkannya," katanya.

Pada sidang media bersama Duffy, Pentadbir Pentadbiran

Penerbangan Persekutuan (FAA) Bryan Bedford pula berkata mereka memutuskan yang pengurangan kapasiti berjadual sebanyak 10 peratus adalah wajar bagi mengurangkan tekanan terhadap pengawal trafik udara.

"Apabila kami terus mengesan isu berkaitan kekurangan kakitangan, langkah tambahan akan diambil di pasaran tertentu," kata Duffy. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 15 maut, 8 hilang dalam banjir di tanah tinggi Papua, Republik Indonesia

JAKARTA, 4 Nov. - Sekurang-kurangnya 15 orang disahkan maut manakala lapan lagi masih hilang selepas banjir melanda dua daerah di Tanah Tinggi Papua, Republik Indonesia, menurut pegawai pada Selasa malam.

Agensi Pengurangan Bencana Negara (BNPB) memaklumkan semua 15 mangsa ditemukan di Daerah Dal, Wilayah Nduga,

manakala pasukan mencari dan menyelamatkan masih berusaha mengesan lapan lagi mangsa di Kampung Yuguru, Daerah Meborok.

"Banjir yang berpunca daripada hujan lebat melanda kedua-dua daerah itu pada Sabtu malam," kata jurucakap BNPB Abdul Muhari dalam satu kenyataan. Beliau memberi amaran mengenai kemungkinan hujan berterusan

dalam beberapa hari akan datang, dengan amaran cuaca masih berkuat kuasa di Tanah Tinggi Papua sehingga Khamis.

Agensi itu turut menggesa penduduk, khususnya mereka yang tinggal berhampiran sungai, supaya berpindah ke kawasan lebih tinggi sekiranya hujan berterusan lebih sejam dan mematuhi arahan pemindahan rasmi. - ©BERNAMA

Republik Singapura bakal laksana hukuman sebat terhadap penipu di bawah undang-undang baharu

ISTANBUL, 4 Nov. - Republik Singapura akan melaksanakan hukuman sebat mandatori terhadap pesalah penipuan di bawah undang-undang jenayah baharu yang diluluskan pada Selasa, selepas negara itu mengalami kerugian hampir S\$4 bilion akibat penipuan sejak enam tahun lepas, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Menurut akhbar harian The Straits Times, individu yang disabitkan kesalahan menjalankan atau membantu sindiket penipuan akan berdepan sekurang-kurangnya enam sebatan, selain denda dan hukuman penjara.

Hukuman maksimum ditetapkan sebanyak 24 sebatan bergantung kepada tahap keseriusan kesalahan. Di bawah undang-undang baharu itu, ahli

sindiket, perekrut dan rakan sekutu termasuk "keldai akaun" yang menyediakan akaun bank, kad SIM atau identiti digital turut akan dipertanggungjawabkan.

Sejak 2019, Republik Singapura telah menanggung kerugian melebihi S\$3.4 bilion akibat kegiatan penipuan, termasuk rekod tertinggi S\$1.1 bilion pada tahun 2024 sahaja.

Pindaan lain dalam rang undang-undang itu turut memperkenalkan hukuman lebih berat bagi kesalahan seksual, penderaan membawa maut terhadap mangsa berisiko, pendedahan maklumat peribadi penjawat awam (*doxxing*), serta pengedaran bahan lucah.

Mereka yang mengedarkan kandungan lucah kepada 10 orang

atau lebih boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun, atau maksimum empat tahun jika pesalah berumur bawah 18 tahun.

Bagi pengantunan seksual, hukuman penjara maksimum ditingkatkan kepada tujuh tahun bagi mangsa bawah umur 14 tahun dan lima tahun bagi mangsa berumur antara 14 hingga 17 tahun.

Bidang kuasa undang-undang Republik Singapura juga akan diperluas meliputi kes di mana pelaku atau mangsa berada di luar negara. Hukuman penjara maksimum bagi pesalah yang menyebabkan kematian terhadap mangsa berisiko turut dinaikkan daripada 20 tahun kepada 30 tahun atau penjara seumur hidup. - ©BERNAMA



PUSAT KEBUDAYAAN PERPUSTAKAAN REPUBLIK RAKYAT CHINA DI SRI LANKA DIBUKA

COLOMBO, 7 Nov. - Pusat Kebudayaan China di Sri Lanka pada hari Rabu merasmikan pelancaran perpustakaan pada satu majlis yang diadakan di Colombo, ibu negara Sri Lanka.

Majlis tersebut dihadiri oleh tetamu daripada pelbagai institusi, termasuk Persatuan China Sri

Lanka, Persatuan Kerjasama Sosial dan Budaya Sri Lanka-China, dan Muzium Negara dan Perpustakaan Negara Sri Lanka.

Berucap pada majlis tersebut, Presiden Persatuan Kerjasama Sosial dan Budaya Sri Lanka-China, Indrananda Abeysekera menyatakan bahawa pembukaan perpustakaan itu

bermakna para cendekiawan Sri Lanka dan semua mereka yang ingin tahu tentang Republik Rakyat China kini mempunyai saluran baharu yang belum pernah terjadi sebelumnya untuk meneroka tamadun Republik Rakyat China yang mendalam secara sistematik.

Ketua Pusat Kebudayaan China di Sri Lanka, Ni Lisheng berkata

bahawa perpustakaan itu bukan sahaja akan menjadi ruang untuk membaca, tetapi juga merupakan ruang untuk pertukaran budaya, yang membolehkan orang ramai mendapatkan pandangan tentang budaya Republik Rakyat China dan perkembangan Republik Rakyat China yang semakin maju.

Perpustakaan itu kini memiliki koleksi 4,500 buku mengenai pelbagai topik, termasuk sejarah, seni, kesusasteraan, dan sains dan teknologi Republik Rakyat China. Di samping itu, perpustakaan itu juga dilengkapi dengan sistem pengurusan elektronik, memastikan pengalaman membaca dan meminjam yang lancar dan tanpa halangan untuk para pembaca. - ©XINHUA

Agensi PBB: Taufan Melissa tinggalkan hampir 5 juta tan sisa di barat Jamaica

HAMILTON, 7 Nov. - Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) pada Khamis memaklumkan bahawa hampir 5 juta tan metrik sisa terhasil di seluruh wilayah barat Jamaica selepas Taufan Melissa melanda pulau itu pada 28 Oktober, lapor Anadolu Ajansi.

"Anggaran awal menunjukkan bahawa kerosakan yang berlaku adalah bersamaan kira-kira 30 peratus daripada KDNK Jamaica, angka yang dijangka meningkat," kata Wakil Tetap UNDP bagi Bahamas, Belize, Bermuda, Kepulauan Cayman, Jamaica serta Kepulauan Turks dan Caicos, Kishan Khoday, dalam taklimat maya.

Beliau menambah bahawa "taufan dahsyat itu meninggalkan kesan kemusnahan besar di

seluruh wilayah barat dan tengah Jamaica".

Khoday menjelaskan bahawa "UNDP melalui platform Penilaian Impak digital dan alat berasaskan AI telah mengenal pasti hampir 5 juta tan metrik sisa yang dihasilkan di seluruh barat Jamaica. Jumlah ini bersamaan kira-kira 500,000 muatan lori standard".

"Untuk memberikan gambaran tentang skala kemusnahan itu, ia termasuk 2 juta tan metrik sisa binaan daripada bangunan yang rosak, 1.3 juta tan sisa tumbuh-tumbuhan, kemusnahan hutan dan landskap yang amat besar di barat Jamaica, serta 1.4 juta tan metrik sisa harta peribadi," tambahnya.

Beliau berkata usaha UNDP akan menumpukan kepada "pelan dan strategi pemulihan, pemulihan

Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) serta sumber pendapatan, penggunaan tenaga solar bagi keperluan komuniti, kerja-kerja pembersihan sisa dan pemulihan ekosistem".

Taufan Melissa telah melanda Haiti, Jamaica dan Cuba sejak akhir Oktober, menyebabkan kemusnahan meluas serta kehilangan nyawa. Menurut laporan tempatan, jumlah kematian di Haiti dan Jamaica akibat banjir dan tanah runtuh yang disebabkan oleh Taufan Melissa meningkat kepada 75 orang setakat Rabu.

Di Cuba, yangangka rasmi kematian belum dikeluarkan, PBB menganggarkan kira-kira 2.2 juta orang terjejas, dengan kerosakan dilaporkan membabitkan kira-kira 60,000 rumah, 461 pusat kesihatan dan 1,552 sekolah. - ©BERNAMA



PARA tetamu melawat perpustakaan Pusat Kebudayaan China di Colombo, Sri Lanka, 5 Nov 2025.

Taufan Kalmaegi landa tengah Republik Sosialis Viet Nam, sebabkan kerosakan meluas

HANOI, 7 Nov. - Taufan Kalmaegi mendarat di bahagian tengah Republik Sosialis Viet Nam pada Khamis malam, membawa hujan lebat serta angin kencang yang menyebabkan kerosakan meluas, menurut portal media tempatan VNExpress, lapor Xinhua.

Taufan itu menumbangkan pokok, merosakkan bumbung dan memecahkan tingkap bangunan di beberapa kawasan. Gangguan bekalan elektrik turut dilaporkan di beberapa wilayah, menjejaskan ratusan ribu isi rumah.

Sementara itu, operasi mencari tiga nelayan yang dilaporkan hilang di luar pesisir Pulau Ly Son di wilayah Quang Ngai sedang dijalankan selepas kapal mereka terbalik akibat laut bergelora, menurut VNExpress.

Pihak berkuasa tempatan berkata pasukan penyelamat menerima banyak panggilan kecemasan daripada penduduk yang melaporkan kejadian bumbung rumah runtuh dan banjir, manakala angin kencang menghalang usaha tindak balas segera. - ©BERNAMA

Eksekutif farmaseutikal pengsan di Majlis Rasmi Rumah Putih

ISTANBUL, 7 Nov. - Seorang eksekutif farmaseutikal pengsan pada Khamis di Rumah Putih ketika Presiden Donald Trump mengumumkan mengenai kos ubat penurunan berat badan, mencetuskan tindakan perubatan segera oleh Dr Mehmet Oz, lapor Anadolu Ajansi.

Gordon Findlay, wakil syarikat Novo Nordisk, rebah ketika Ketua Pegawai Eksekutif Eli Lilly, David Ricks, sedang berucap pada majlis di Pejabat Oval yang menyaksikan Trump dan syarikat farmaseutikal mengumumkan perjanjian untuk memperluas perlindungan dan menurunkan harga rawatan obesiti Zepbound dan Wegovy.

Dr Oz, seorang doktor perubatan yang berkhidmat sebagai pentadbir Pusat Perkhidmatan Medicare dan Medicaid dalam pentadbiran Trump, segera bertindak membantu Findlay bersama beberapa individu lain di dalam bilik berkenaan.

Setiausaha Kesihatan dan Perkhidmatan Kemanusiaan Robert F. Kennedy Jr turut hadir tetapi segera beredar dari tempat kejadian.

Jurucakap Timbalan Rumah Putih, Kush Desai berkata Kennedy 'bergegas mendapatkan bantuan perubatan sementara yang lain memberi pertolongan kepada lelaki itu'.

Wartawan diiring keluar dari bilik berkenaan dan siaran langsung acara itu turut dihentikan selepas kejadian tersebut.

Selepas majlis bersambung, Trump berkata Findlay 'berasa sedikit pening' dan 'tiba-tiba rebah'. Beliau memaklumkan bahawa wakil itu kini 'berada dalam keadaan baik'.

"Mereka baru sahaja membawanya keluar, dan di sini ada doktor. Tapi dia baik-baik sahaja," katanya. - ©BERNAMA

Eksport Republik Sosialis Viet Nam catat rekod baharu didorong momentum kuat

HANOI, 7 Nov. - Syarikat-syarikat Republik Sosialis Viet Nam mencatat rekod baharu dalam pelbagai bidang, memperlihatkan momentum eksport yang kukuh bukan sahaja memperluas perdagangan tetapi turut mengukuhkan kedudukan Republik Sosialis Viet Nam dalam rantaian bekalan global, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Setakat 15 Oktober, kumpulan komputer dan elektronik menjana hasil eksport hampir US\$82 bilion, dengan jumlah keseluruhan diunjur melebihi US\$86 bilion menjelang akhir bulan, mencatat paras tertinggi baharu.

Lonjakan tempahan sejak separuh kedua tahun lalu, khususnya pada suku ketiga 2025, telah membantu kumpulan itu menjadi pemacu utama pertumbuhan eksport Republik Sosialis Viet Nam.

Sektor elektronik sahaja

menyumbang secara signifikan kepada jumlah keseluruhan eksport negara, yang dianggarkan mencecah US\$390 bilion selepas 10 bulan - peningkatan sebanyak US\$14 bilion berbanding tempoh sama tahun lalu - sekali gus mencerminkan kadar pemulihan dan pengembangan pasaran yang menggalakkan.

Kumpulan jentera, peralatan, alat ganti dan komponen turut menunjukkan kemajuan ketara, dengan nilai eksport mencecah US\$48 bilion dalam tempoh berkenaan, meningkat hampir 13.5 peratus tahun ke tahun.

Ia diunjurkan menambah lagi antara US\$6.5 bilion hingga US\$7 bilion dalam baki bulan tahun ini, menjadikan jumlah keseluruhan sekitar US\$55 bilion.

Prestasi kukuh dua sektor perindustrian utama ini telah menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan eksport

negara walaupun permintaan global masih belum pulih sepenuhnya.

Sektor pertanian juga mencatat peningkatan memberangsangkan, khususnya kopi yang menikmati peningkatan dari segi jumlah dan harga.

Setakat 15 Oktober, Republik Sosialis Viet Nam telah mengeksport 1.27 juta tan kopi dengan pendapatan US\$7.2 bilion. Harga purata eksport mencecah US\$5,658 satu tan, meningkat 45 peratus berbanding tahun lalu.

Eropah kekal sebagai pembeli utama kopi Republik Sosialis Viet Nam, mengimport 710,000 tan bernilai lebih US\$4 bilion, dengan 27 negara Kesatuan Eropah (EU) sahaja menyumbang 40.1 peratus daripada jumlah eksport kopi Republik Sosialis Viet Nam dan 39.4 peratus daripada nilainya. - ©BERNAMA

Pasukan RSF Sudan lakukan serangan dron di negeri Khartoum dan Bandar Atbara

ISTANBUL, 7 Nov. - Pasukan Sokongan Pantas (RSF) Sudan melancarkan serangan dron awal Jumaat yang menyasarkan beberapa kawasan di Bandar Omdurman di negeri Khartoum dan di Atbara di negeri Sungai Nil, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik media tempatan.

Penduduk di kedua-dua bandar melaporkan mendengar bunyi

letupan dan tembakan anti-pesawat pada waktu subuh ketika pertahanan tentera Sudan bertindak balas terhadap serangan dron itu, menurut portal Sudan News.

Setakat ini, jumlah korban dan tahap kemusnahan belum dapat dipastikan, dan tiada kenyataan dikeluarkan oleh pihak tentera mahupun

RSF mengenai serangan berkenaan.

Sejak 15 April 2023, tentera Sudan dan RSF terlibat dalam peperangan yang gagal ditamatkan oleh pelbagai usaha rundingan serantau dan antarabangsa.

Konflik itu telah meragut ribuan nyawa dan menyebabkan jutaan penduduk kehilangan tempat tinggal. - ©BERNAMA

SEMAI SIKAP PERCAYA DIRI, BERJUANG SEPENUHNYA TANPA RASA TAKUT

AWANG Muhd. Azizan bin Haji Marsad semasa ditemu bual.

BERAKAS, Rabu, 5 November. – Para atlet negara apa pun sukan yang diceburi perlu sentiasa menyemai sikap percaya diri sendiri, percaya kepada kemahiran yang ada pada diri dan berjuang sepenuhnya, tanpa rasa takut atau ragu.

Apa pun keputusan nanti, yang penting ialah mereka sudah memberikan yang terbaik dan membawa semangat juang bangsa dan sekolah sekali gus mengharumkan nama negara kita. Namun begitu mustahak juga, para atlet khususnya pencak silat untuk sentiasa hormat lawan, kekal fokus dan jangan lupakan nilai adab seorang pesilat sejati.

Perkara berkenaan antara yang ditekankan oleh Awang Muhd. Azizan bin Haji Marsad, salah

seorang jurulatih bagi atlet pencak silat negara yang akan mewakili Negara Brunei Darussalam

(NBD) di Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN (ASEAN School Games - ASG) Ke-14, Tahun 2025, yang dijadualkan berlangsung di NBD selama sembilan hari pada penghujung November ini, semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei ketika menjalani latihan bersama para atlet pencak silat negara di Dewan Sekolah Sukan, Kampung Pulaie, petang tadi, di sini.

Beliau yang juga selaku seorang jurulatih pencak silat khusus acara tanding berkenaan mengongsikan secara keseluruhannya, seramai 20 atlet pencak silat yang akan mewakili negara kita di Kejohanan ASG Ke-14 kali ini.

Selain itu, dalam menyentuh perjalanan para atlet pencak silat yang mewakili NBD di Kejohanan ASG Ke-14, Awang Muhd. Azizan

menjelaskan, mereka rata-rata dalam lingkungan usia antara 13 hingga 18 tahun, terdiri daripada golongan pelajar sekolah-sekolah menengah dan Institusi Pengajian Tinggi seperti Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) yang aktif dalam sukan pencak silat yang telah terpilih dari keempat-empat daerah di negara ini.

Para atlet pencak silat yang mewakili NBD tambahna, akan bersaing di acara seni bagi Kategori Tunggal Lelaki dan Kategori Tunggal Perempuan; seni bagi Kategori Regu Lelaki dan Kategori Regu Perempuan; dan begitu juga mereka akan berentap di acara Tanding Lelaki dan Tanding Perempuan mengikuti kelas tertentu.

"Menyentuh mengenai persediaan latihan bagi Kejohanan ASG Ke-14 ini, kami telah bermula seawal Januari lagi, latihan dibuat setiap hari, iaitu Isnin hingga Sabtu dan juga dijalankan dua sesi sehari.

"Sesi pertama bermula seawal jam 5.00 pagi manakala sesi kedua pada jam 4.00 petang. Latihan-latihan yang dibuat

■ Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami

merangkumi aspek teknikal, fizikal, dan mental.

"Selain itu, kami juga menekankan aspek disiplin, kekuatan mental, dan semangat berpasukan kerana faktor ini sangat penting apabila berada di gelanggang sebenar.

Keyakinan para atlet dibina melalui simulasi pertandingan dan latihan *sparring* yang meniru suasana kejohanan sebenar," katanya.

Di akhir temu bual, beliau turut menaruh harapan sebagai jurulatih

semestinya agar para atlet berjaya mencapai *podium finish* sekali gus mengharumkan nama negara dan sekolah masing-masing dengan prestasi terbaik di Kejohanan ASG Ke-14 berkenaan.

"Semoga pengalaman ini menjadi platform untuk perkembangan karier sukan mereka ke peringkat lebih tinggi, dan juga menjadi inspirasi kepada rakan-rakan pelajar lain untuk terus aktif dalam bidang sukan, khususnya pencak silat," ujarnya lagi.

Warisan Belait 'A', Muara Spurs 'B' juarai Kejohanan LSST TAIB 2025

■ Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

>> Muka 32

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Majlis Penutup Rasmi kejohanan dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) selaku penaja utama kejohanan.

Edisi LSST TAIB pada tahun ini menampilkan sebanyak 46 pasukan terbaik yang berentap merebut gelaran juara dalam kejohanan anjuran Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, KKBS serta Perbadanan TAIB.

Penganjuran kejohanan LSST kali ketiga berkenaan turut mempertandingkan sebanyak dua acara, iaitu Liga Perdana dengan 14 pasukan dan Liga Amatir dengan 32 pasukan.

Matlamat utama kejohanan berkenaan adalah untuk mencari bakat baharu yang berpotensi untuk diserapkan dalam program pembangunan atlet, pelapis dan pemain kebangsaan, di samping menggalakkan penyertaan masyarakat dalam sukan sepak takraw sebagai usaha Whole of Nation Approach ke arah cara hidup sihat, serta menghidupkan semula sukan tradisi sepak takraw yang telah lama bertapak di negara ini.

Atlet bina badan tempatan rangkul kejayaan di arena global

■ Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

>> Muka 32

Awang Razali Mahmud juga sempat berkongsi mengenai pembabitan dan kejayaannya sejak mula menceburi bidang ini dari tahun 1995, antara lain penyertaannya dalam Mr. Commonwealth 1998 di Malaysia, X Mr. Brunei, X Brunei Strongestman 2004-2005, Brunei Open Classic 2009, MOS 2017 Malaysia, Mr. Act 2018 Malaysia, FIFPRO Card 3019 di Indonesia, Mr. Borneo bagi Kategori Terbuka 2023 Malaysia, Juara keseluruhan bagi Kejayaan Mr. Borneo 2023 Malaysia; FIF PRO Card Champion of Champions 2025, FIF PRO Card Champions Champion Master Category 50 Tahun Ke Atas 2025 di Singapura, WFF Pro Card Master Category iaitu Champion of Changi bagi 50 Tahun Ke Atas serta IFBB PRO Champion Kategori Terbuka bagi Super Heavy Weight 2025.

Dengan pengalaman dan pendedahan yang dimilikinya, bukan sahaja di dalam negara malah di peringkat serantau, sudah tentu beliau akan membimbing bakat-bakat generasi baharu yang berminat serta terus memperjuangkan seni bina badan setelah beliau bersara nanti.

Beliau juga, sepanjang pengalamannya, bersyukur kerana segalanya dipermudahkan dan tiada yang menjadi beban, memandangkan mereka berada dalam satu pasukan yang saling bantu-membantu, bak kata pepatah, '*berat sama dipikul, ringan sama dijinjing*'.

Pendorong kejayaan yang dicapainya ini, jelasnya, datang daripada sokongan keluarga yang menjadi tulang belakangnya selama ini, iaitu isteri dan anak-anak, saudara-mara serta teman-teman yang sentiasa memberi sokongan, selain para dermawan.

Beliau juga berkongsi sedikit kata-kata motivasi, "*Bodybuilding bukan sekadar sukan tetapi ia adalah gaya hidup, disiplin dan perjuangan melawan diri sendiri setiap hari. Stay strong, stay humble, stay hungry*".

Memperkuh strategi, meningkatkan daya ketahanan fizikal, mental

BERAKAS, Rabu, 5 November. - Satu detik penuh bersejarah lagi dinanti-nantikan di tanah air kita apabila Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN (ASEAN School Games - ASG) Ke-14, Tahun 2025, yang dijadualkan berlangsung selama sembilan hari mulai 20 hingga 28 November 2025.

Sebanyak lapan acara sukan akan dipertandingkan pada edisi kali ini, termasuk badminton, bola keranjang, olahraga, renang, bola jaring, pencak silat, sepak takraw dan wushu.

Sehubungan dengan itu, menjelang Kejohanan ASG Ke-14 berkenaan, Pelita Brunei berkesempatan meninjau kegigihan persiapan para atlet pencak silat NBD bersama jurulatih-jurulatih mereka yang kini giat menjalani latihan di Dewan Sekolah Sukan, Kampung Pulaie, petang tadi, di sini.

Salah seorang atlet pencak silat yang bakal mewakili NBD, Awang Muhammad Raid Naim bin Muhammad Syamsuddin berusia 16 tahun, antaranya mengongsikan sebagai persiapan menjelang Kejohanan ASG Ke-14, beliau bersama rakan-rakan telah menjalani latihan secara intensif dengan jadual yang ditetapkan sejak awal April lagi.

"Antara yang sering dilakukan adalah latihan teknik memperkuat strategi serta meningkatkan daya ketahanan fizikal dan mental. Begitu juga latihan stamina dijalankan melalui aktiviti seperti larian *interval* dan lain-lain lagi untuk memastikan tubuh sentiasa cergas dan bertenaga," jelasnya.

Beliau yang merupakan

salah seorang pelajar dari Sekolah Sukan juga meluahkan rasa kesyukuran kerana terpilih untuk mewakili NBD dalam sukan pencak silat di Kejohanan ASG Ke-14 nanti dan ia merupakan satu pencapaian dari segi tahap penyertaan yang tertinggi bagi dirinya selama menceburi jenis sukan berkenaan lebih kurang empat tahun.

"Pastinya ini menjadi satu amanah dan tanggungjawab bagi saya dan juga para atlet NBD yang lain untuk melakukan segala usaha dengan sebaik-baiknya bukan hanya untuk kepentingan diri sendiri bahkan juga ahli keluarga, masyarakat dan yang paling penting mengharumkan nama negara kita.

"Dengan penglibatan kami ini diharap ia juga dapat menjadi sumber inspirasi kepada generasi muda kita untuk terus bergiat aktif dalam bidang sukan masing-masing," ujarnya.

Manakala, seorang lagi atlet pencak silat yang bakal berentap di Kejohanan ASG Ke-14, Dayang Nursyaziyah Mawaddah binti Mohammad Fauzi, 15 tahun, turut berkesempatan mengongsikan persiapan bagi kejohanan berkenaan.

Sebagai persediaan latihan jelasnya, pasukan pencak silat telah dijalankan secara berjadual, iaitu latihan yang sering dilakukan ialah latihan *flexibility* serta meningkatkan ketahanan fizikal dan mental. Untuk latihan stamina, mereka akan melakukan aktiviti seperti larian *interval* dan lain-lain.

DAYANG Nursyaziyah Mawaddah binti Mohammad Fauzi (kiri) dan Awang Muhammad Raid Naim bin Muhammad Syamsuddin (bawah kiri) semasa ditemu bual.

Beliau yang sedang menuntut di Sekolah Sukan turut mengongsikan dirinya telah menceburi bidang sukan pencak silat selama sembilan tahun dan penyertaan pada Kejohanan ASG Ke-14

berkenaan bagaikan satu penghormatan besar bagi dirinya selama ini dengan adanya sokongan ahli keluarga, rakan-rakan serta tidak dilupa ketulusan para jurulatih dalam memberi tunjuk ajar selama ini.

"InsyaaAllah, ini adalah satu tanggungjawab yang saya ambil dengan penuh semangat. Saya ingin memberikan yang terbaik untuk membawa nama NBD ke peringkat yang lebih tinggi. Doakan kejayaan kami semua," ucapnyanya penuh harapan.

Dalam pada itu, temasya Kejohanan ASG Ke-14 nanti akan menyaksikan penyertaan dari 10 buah negara terdiri dari NBD sebagai tuan rumah, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Kemboja, Myanmar dan Republik Sosialis Viet Nam akan berentap pada kejohanan itu nanti.

Secara keseluruhannya, lebih 1,000 atlet pelajar akan bersaing bagi merebut sebanyak 340 pingat keseluruhan dalam lapan acara sukan yang dipertandingkan berkenaan.





WARISAN BELAIT 'A', MUARA SPURS 'B' JUARAI KEJOHANAN LSST TAIB 2025



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Rasmi kejohanan tersebut dan seterusnya bergambar ramai bersama para pemenang.

Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei 'A', sementara tempat ketiga masing-masing dimenangi oleh pasukan Miharbi dan pasukan Muara Spurs 'A'.

Johan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND5,000, piala pusingan, trofi dan pingat kemenangan; sementara naib johan pula menerima wang tunai sebanyak BND3,000, sebuah trofi dan pingat kemenangan; manakala tempat ketiga masing-masing menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,000, sebuah trofi dan pingat kemenangan.

Sementara itu, Tekong Terbaik disandang oleh LPKL 6220 Alifuddin bin Jamaludin daripada pasukan Warisan Belait 'A', manakala Killer Terbaik pula disandang oleh Awang Khairulazemi anak Sulaju daripada pasukan Brunei Legacy 'B', sementara Feeder Terbaik disandang oleh Awang Mohd. Inayatullah bin Omar daripada pasukan Warisan Belait 'A'.

Bagi Kategori Perdana, johan diraih oleh pasukan Muara Spurs 'B', manakala naib johan pula disandang oleh pasukan Majlis

>> Muka 31

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 November. - Pasukan Warisan Belait 'A' dinobatkan sebagai johan bagi Kategori Amatir pada Kejohanan Liga Super Sepak Takraw (LSST) TAIB 2025 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Manakala, naib johan disandang oleh pasukan Brunei Legacy 'B', sementara

tempat ketiga bersama diraih oleh pasukan Brunei Legend dan pasukan Binglu Tengah Tanah Jambu Warrior 'A'.

Johan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,500, sebuah trofi dan pingat kemenangan; sementara naib johan pula menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,000, sebuah trofi dan pingat kemenangan; manakala tempat ketiga bersama masing-masing menerima hadiah wang tunai sebanyak BND500, sebuah trofi serta pingat kemenangan.

Sementara itu, Tekong Terbaik disandang oleh Awang Mohd. Zainol bin Yusran daripada pasukan Warisan Belait 'A', manakala Killer Terbaik pula disandang oleh Awang Khairulazemi anak Sulaju daripada pasukan Brunei Legacy 'B', sementara Feeder Terbaik disandang oleh Awang Mohd. Inayatullah bin Omar daripada pasukan Warisan Belait 'A'.

Atlet bina badan tempatan rangkul kejayaan di arena global

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 November. - Tiga atlet bina badan dari kumpulan Gobang, yang mewakili King of the Gym di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, berjaya meraih kemenangan dalam kategori

masing-masing di pertandingan WFF Universe 2025 Malaysia, baru-baru ini.

Kejayaan mereka memaparkan semangat, dedikasi dan kecemerlangan bertaraf dunia setiap atlet di arena

global. Juara keseluruhan bagi Divisyen Profesional dimenangi oleh peserta negara, Awang Muhammad Al-Akif bin Elias, yang berjaya memintas para peserta bertaraf antarabangsa yang lain dan sekali gus meraih pingat emas.

Sementara itu, usia bukan penghalang kejayaan bagi Awang Razali Mahmud, yang berjaya mendominasi Master Category bagi usia 50 tahun ke atas dan memenangi WFF Pro Card Gold Medal.

Manakala atlet bina badan negara, Awang Mohd. Yusri Hannah Laihan, juga beraksi cemerlang apabila berjaya menempatkan diri dalam empat tangga teratas dalam Kategori Classique Bodybuilding (Athletic) bagi 70-75 kilogram.

Pelita Brunei sempat menemubual salah seorang pemenang yang merupakan atlet bina badan senior dan berpengalaman, Awang Razali Mahmud yang turut melakar kejayaan apabila memenangi pingat perak setelah menduduki tempat kedua dalam Kategori Super Heavyweight iaitu Kategori

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Razali Mahmud

Bantam dalam Kejohanan IFBB PRO Bodybuilding di Kuala Lumpur selepas menyertai WFF Universe 2025 Malaysia.

Beliau menzahirkan perasaan sangat gembira atas kejayaan yang dirangkul, sekali gus berjaya mengharumkan nama gim serta

negara di peringkat antarabangsa. Menurutnya, kejayaan tersebut juga akan menjadi sebahagian daripada koleksi pencapaiannya sepanjang bergiat aktif dalam bidang bina badan.

>> Muka 31



ATLET-atlet bina badan Negara Brunei Darussalam, dari kumpulan Gobang, yang mewakili King of the Gym, berjaya mengharumkan nama gim serta negara di pertandingan WFF Universe 2025 Malaysia.

Tahukah Awda

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bagi memperkenalkan perubahan terhadap kekerapan persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN), iaitu kepada dua kali setahun bermula tahun ini. Baginda bertitah demikian semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

SUMBER : Pelita Brunei edisi Mac 2025

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

AL-QURAN ADALAH PENAWAR ATAU UBAT YANG MAMPU MENYEMBUHKAN PELBAGAI JENIS PENYAKIT